



BAHASA MELAYU

簡 體 中 文

E N G L I S H

Panduan Pengguna

用户手册

User Guide

**LG G3**  
LG-D855




# Panduan Pengguna

## Sedia 4G LTE\*

\* Sila semak dengan operator rangkaian anda sama ada 4G LTE tersedia pada USIM anda

- Paparan dan ilustrasi skrin mungkin berbeza daripada yang anda lihat pada telefon sebenar.
- Sesetengah kandungan panduan ini mungkin tidak berkaitan dengan telefon anda, bergantung kepada perisian dan pembekal perkhidmatan anda. Semua maklumat dalam dokumen ini tertakluk kepada perubahan tanpa notis.
- Telefon bimbit ini tidak sesuai untuk orang yang mempunyai kekurangan visual disebabkan papan kekunci skrin ketiknya.
- Hak cipta ©2016 LG Electronics, Inc. Hak cipta terpelihara. LG dan logo LG adalah tanda dagangan berdaftar bagi Kumpulan LG dan entiti yang berkaitan dengannya. Semua tanda dagangan lain adalah harta miliknya masing-masing.
- Google™, Google Maps™, Gmail™, YouTube™, Hangouts™ dan Play Store™ adalah tanda dagangan Google, Inc.



# Kandungan

<b>Garis panduan untuk penggunaan selamat dan efisien .....</b>	<b>5</b>	Menyambung ke rangkaian Wi-Fi.....	40
<b>Notis penting.....</b>	<b>15</b>	Menghidupkan Wi-Fi dan menyambung kepada rangkaian Wi-Fi.....	40
<b>Mengenali telefon anda.....</b>	<b>21</b>	Bluetooth.....	41
Gambaran keseluruhan telefon .....	21	Berkongsi sambungan data telefon anda.....	42
Memasang kad SIM dan bateri .....	23	Wi-Fi Langsung .....	44
Mengecas telefon anda.....	25	Menggunakan SmartShare .....	44
Menggunakan kad memori .....	26	Sambungan PC dengan kabel USB.....	46
Mengunci dan menyahkunci skrin .....	28	<b>Panggilan .....</b>	<b>48</b>
Knock Code.....	28	Membuat panggilan.....	48
Pasangkan skrin.....	29	Membuat panggilan kepada kenalan anda.....	48
Set kepala stereo dengan mikrofon.....	30	Menjawab dan Menolak Panggilan.....	48
<b>Skrin utama anda .....</b>	<b>32</b>	Melaraskan volum panggilan masuk.....	49
Petua skrin sentuh.....	32	Membuat panggilan kedua .....	49
Skrin utama.....	33	Melihat log panggilan anda.....	50
Skrin utama dilanjutkan .....	34	Tetapan panggilan .....	50
Menyesuaikan Skrin utama .....	34	<b>Kenalan .....</b>	<b>51</b>
Kembali ke aplikasi yang digunakan baru-baru ini .....	35	Mencari kenalan.....	51
Panel pemberitahuan.....	35	Tambah Kenalan Baru.....	51
Membuka panel pemberitahuan.....	36	Kenalan kegemaran.....	51
Ikon penunjuk pada Bar Status .....	36	Membuat kumpulan.....	52
Papan kekunci atas skrin.....	38	<b>Pemesejan.....</b>	<b>53</b>
Memasukkan huruf aksen .....	38	Menghantar mesej.....	53
<b>Persediaan akaun Google.....</b>	<b>39</b>	Peti teruntai .....	54
<b>Menyambung kepada Rangkaian dan Peranti.....</b>	<b>40</b>	Menukar tetapan mesej anda .....	54
Wi-Fi .....	40	<b>E-mel .....</b>	<b>55</b>
		Menguruskan akaun e-mel.....	55

Menggunakan folder akaun .....	55	Alihkan kursor menggunakan bar ruang ...	74
Mengarang dan menghantar e-mel.....	56	Masukkan perkataan yang dicadangkan menggunakan kawalan gerak isyarat ...	75
<b>Kamera dan Video.....</b>	<b>57</b>	<b>LG SmartWorld .....</b>	<b>75</b>
Untuk membuka aplikasi Kamera .....	57	Bagaimana untuk Pergi ke LG SmartWorld daripada Telefon Anda .....	75
Mengenalinya mencari pandangan.....	57	<b>Multimedia .....</b>	<b>77</b>
<b>Ambil Gambar .....</b>	<b>58</b>	<b>Muzik .....</b>	<b>77</b>
<b>Rakam Video .....</b>	<b>58</b>	Tambah fail muzik pada telefon anda ...	77
Tetapan Kamera dan Video .....	59	Pindahkan muzik menggunakan Peranti media (MTP).....	77
Auto Fokus Berbilang Titik .....	60	Memainkan lagu.....	77
Dwi.....	60	<b>Utiliti.....</b>	<b>80</b>
Syot gerak isyarat .....	61	<b>Menetapkan penggera anda .....</b>	<b>80</b>
Super Zum .....	62	<b>Menggunakan kalkulator anda.....</b>	<b>80</b>
Lihat Gambar Anda .....	62	<b>Menambah acara pada kalendar anda ...</b>	<b>80</b>
Pilihan Galeri .....	63	<b>Perakam suara .....</b>	<b>81</b>
Peruntukkan Gambar .....	64	Merakam bunyi atau suara .....	81
Pilihan Video .....	64	Menghantar rakaman suara.....	81
Zum Langsung .....	66	<b>Tugas .....</b>	<b>82</b>
<b>DwiMain .....</b>	<b>66</b>	<b>Google+ .....</b>	<b>82</b>
<b>Galeri.....</b>	<b>67</b>	<b>Carian Suara.....</b>	<b>83</b>
Bekerja dengan foto.....	67	<b>Muat turun.....</b>	<b>83</b>
Untuk berkongsi video.....	68	<b>Web .....</b>	<b>84</b>
Untuk memadam video .....	68	<b>Internet.....</b>	<b>84</b>
QSlide semasa memainkan video.....	69	Menggunakan bar alat Web.....	84
<b>Fungsi.....</b>	<b>70</b>	Melihat halaman web.....	84
<b>Tangkap+ .....</b>	<b>70</b>	Membuka halaman .....	85
Menggunakan pilihan Tangkap+ .....	71		
Melihat Tangkap+ yang disimpan .....	71		
<b>QSlide.....</b>	<b>72</b>		
<b>QuickRemote.....</b>	<b>73</b>		
<b>Papan Kekunci Pintar.....</b>	<b>74</b>		

# Kandungan

Membuat carian web menggunakan suara .....	85
Penanda buku .....	85
Sejarah .....	85
Menggunakan Pelayar Pop Timbul .....	85
<b>Chrome .....</b>	<b>86</b>
Melihat halaman web .....	86
Membuka halaman .....	86
Menyegerak dengan peranti lain .....	86
<b>Tetapan .....</b>	<b>87</b>
Rangkaian .....	87
Bunyi & Maklumat .....	90
Paparannya .....	92
Umum .....	95
<b>Perisian PC (LG PC Suite) .....</b>	<b>103</b>
<b>Kemas kinian perisian telefon .....</b>	<b>106</b>
Kemas kinian perisian telefon .....	106
<b>Tentang panduan pengguna ini.....</b>	<b>108</b>
Tentang panduan pengguna ini .....	108
Tanda dagangan .....	109
DivX HD .....	109
Dolby Digital Plus.....	109
<b>Aksesori .....</b>	<b>111</b>
<b>Pencarisilapan .....</b>	<b>112</b>
<b>Soalan Lazim .....</b>	<b>116</b>

## Garis panduan untuk penggunaan selamat dan efisien

Sila baca garis panduan yang mudah ini. Tidak mengikut garis panduan ini mungkin merbahaya atau tidak sah.

Sekiranya kesilapan berlaku, sebuah alat perisian dibina di dalam peranti anda akan mengumpulkan log kesilapan. Alat ini hanya mengumpulkan data yang khusus kepada kesilapan, seperti kekuatan isyarat, cell ID position (kedudukan ID sel) dalam kegagalan panggilan dan aplikasi yang dimuatkan secara tiba-tiba. Log hanya digunakan untuk membantu menentukan punca bagi kesilapan. Log ini dienkrpsi dan hanya boleh diakses oleh Pusat pembaikan LG yang sah, sekiranya anda perlu mengemalakan peranti anda untuk dibaik pulih.

## Pendedahan kepada tenaga frekuensi radio

Maklumat pendedahan kepada gelombang radio dan Kadar Penyerapan Khusus (SAR). Telefon mudah alih model LG-D855 ini telah direka bentuk untuk mematuhi keperluan keselamatan yang dikenakan bagi pendedahan kepada gelombang radio. Keperluan ini adalah berdasarkan garis panduan saintifik yang termasuk margin keselamatan yang direka bentuk untuk memastikan keselamatan semua orang tanpa mengira umur dan kesihatan.

- Garis panduan bagi pendedahan kepada gelombang radio menggunakan unit ukuran yang disebut sebagai Kadar Penyerapan Khusus, atau SAR. Ujian bagi SAR dijalankan menggunakan kaedah yang dipiawaikan dengan telefon memancarkan pada aras kuasa diperakui yang tertinggi dalam semua jalur frekuensi.
- Walaupun terdapat perbezaan antara tahap SAR pelbagai model telefon LG, semuanya direka bentuk untuk memenuhi garis panduan yang berkaitan bagi pendedahan kepada gelombang radio.
- Had SAR yang disyorkan oleh Suruhanjaya mengenai Perlindungan Sinaran Bukan-lon (Commission on Non-Ionizing Radiation Protection) (ICNIRP) Antarabangsa, iaitu 2 W/kg dipuratakan ke atas sepuluh 10 g tisu.
- Nilai SAR yang tertinggi untuk telefon model ini yang diuji untuk penggunaan telinga ialah 0.291 W/kg (10 g) dan apabila dipakai pada badan ialah 0.269 W/kg (10 g).

## Garis panduan untuk penggunaan selamat dan efisien

- Peranti ini memenuhi garis panduan pendedahan RF apabila digunakan sama ada dalam kedudukan penggunaan normal pada telinga atau apabila diletakkan pada jarak sekurang-kurangnya 1.5 cm dari badan. Apabila bekas pembawa, klip tali pinggang atau pemegang digunakan untuk pengendalian pemakaian pada badan, ia tidak sepatutnya mengandungi logam dan perlu meletakkan produk pada jarak sekurang-kurangnya 1.5 cm dari badan anda. Untuk memindahkan data fail dan mesej, peranti ini memerlukan sambungan berkualiti pada rangkaian. Dalam beberapa kes, pemindahan fail data atau mesej mungkin ditangguhkan sehingga sambungan tersebut tersedia. Pastikan arahan jarak pemisahan diikuti sehingga pemindahan selesai.

## Penjagaan dan penyelenggaraan produk

### AMARAN

Hanya gunakan bateri, pengecas dan aksesori yang diluluskan untuk digunakan bersama model tertentu telefon ini. Penggunaan sebarang jenis lain boleh mentaksahkan sebarang kelulusan atau waranti yang berkaitan dengan telefon, dan mungkin berbahaya.

- Jangan tanggalkan pemasangan unit ini. Bawa ia kepada juruteknik servis yang layak jika kerja pembaikan diperlukan.
- Pembaikan di bawah waranti, mengikut budi bicara LG, mungkin termasuk penggantian bahagian atau papan yang sama ada baru atau yang diperbaiki, asalkan fungsinya sebanding dengan bahagian yang diganti.
- Jauhkan dari perkakas elektrik seperti TV, radio, dan komputer peribadi.
- Unit ini hendaklah dijauhkan daripada sumber haba seperti radiator atau dapur.
- Jangan jatuhkan.
- Jangan biarkan unit ini terdedah kepada getaran mekanikal atau kejutan.
- Matikan telefon di mana-mana tempat yang memerlukan anda berbuat demikian oleh undang-undang khas. Contohnya, jangan gunakan telefon di hospital kerana ia mungkin mengganggu peralatan hospital yang sensitif.

- Jangan kendalikan telefon dengan tangan yang basah semasa telefon sedang dicas. Ia boleh menyebabkan terjadinya renjatan elektrik dan telefon mungkin akan rosak teruk.
- Jangan cas telefon bimbis berhampiran bahan yang mudah terbakar kerana telefon bimbis akan menjadi panas dan boleh menyebabkan bahaya kebakaran.
- Gunakan kain yang kering untuk membersihkan bahagian luar unit ini (jangan gunakan pelarut seperti benzena, pencair atau alkohol).
- Jangan cas telefon di atas perabot yang lembut.
- Telefon hendaklah dicas di kawasan berpengudaraan baik.
- Jangan dedahkan unit ini kepada asap atau habuk yang berlebihan.
- Jangan simpan telefon di sebelah kad kredit atau tiket pengangkutan; ia boleh menjejaskan maklumat pada jalur magnetik.
- Jangan ketik skrin dengan objek yang tajam kerana ia boleh merosakkan telefon.
- Jangan dedahkan telefon kepada cecair atau kelembapan.
- Guna aksesori seperti fon telinga dengan berhati-hati. Jangan sentuh antena jika tidak diperlukan.
- Jangan gunakan, sentuh atau cuba untuk mengeluarkan atau membaiki kaca yang pecah, sumbing atau retak. Kerosakan pada paparan kaca kerana ia disia-siakan dan disalahgunakan adalah tidak diliputi oleh waranti ini.
- Telefon anda adalah peranti elektronik yang menjana haba pada penggunaan biasa. Sentuhan langsung dengan kulit dalam tempoh yang berpanjangan dalam keadaan pengudaraan tidak mencukupi mungkin akan mengakibatkan ketidakelesaan atau melecur sedikit. Oleh itu, anda hendaklah berjaga-jaga apabila mengendalikan telefon anda atau betul-betul selepas menggunakannya.
- Jika telefon anda basah, tanggalkan plag dengan serta merta untuk mengeringkan ia sepenuhnya. Jangan cuba untuk mempercepatkan proses mengering dengan sumber pemanasan luaran, seperti ketuhar, ketuhar gelombang mikro atau pengering rambut.
- Cecair dalam telefon basah anda mengubah warna label produk dalam telefon anda. Kerosakan pada peranti anda akibat pendedahan kepada cecair tidak diliputi oleh waranti anda.

## Operasi telefon berkesan

### Peranti elektronik

Semua telefon mudah alih mungkin mendapat gangguan, yang boleh menjejaskan prestasi.

- Jangan gunakan telefon mudah alih anda berhampiran kelengkapan perubatan tanpa meminta kebenaran. Elakkan meletak telefon di atas perentak jantung, contohnya, di dalam poket dada anda.
- Sesetengah alat bantu pendengaran mungkin diganggu oleh telefon mudah alih.
- Sedikit gangguan mungkin boleh menjejaskan TV, radio, PC, dsb.
- Guna telefon anda dalam suhu di antara 0°C dan 40°C, jika boleh. Mendedahkan telefon anda kepada suhu yang terlampau rendah atau tinggi akan mengakibatkan kerosakan, malfungsi atau letupan.

## Keselamatan jalan

Semak undang-undang dan peraturan mengenai penggunaan telefon mudah alih di kawasan tempat anda memandu.

- Jangan gunakan telefon pegang tangan semasa memandu.
- Beri perhatian penuh kepada pemanduan anda.
- Pergi ke tepi jalan dan letak kereta sebelum membuat atau menjawab panggilan jika keadaan pemanduan memerlukan anda berbuat demikian.
- Tenaga RF mungkin menjejaskan sesetengah sistem elektronik di dalam kenderaan anda seperti stereo kereta dan kelengkapan keselamatan.
- Apabila kenderaan anda dilengkapi beg udara, jangan halangnya dengan kelengkapan wayarles yang dipasang atau yang mudah alih. Ia mungkin tidak berfungsi atau menyebabkan kecederaan serius disebabkan prestasi yang tidak betul.
- Jika anda mendengar muzik ketika bergerak dan berjalan, sila pastikan bahawa volumn berada pada paras yang berpatutan agar anda sedar akan keadaan di sekeliling anda. Ini khususnya amat penting jika anda berdekatan jalan raya.

## Elakkan kerosakkan ke pendengaran anda



Untuk mencegah kerosakkan pendengaran, jangan mendengar pada tahap volum yang tinggi untuk tempoh yang panjang.

Kerosakkan kepada pendengaran anda boleh berlaku jika anda terdedah kepada bunyi yang kuat untuk tempoh yang lama. Kami dengan ini mengesyorkan agar anda tidak menghidupkan atau mematikan telefon mudah alih berhampiran dengan telinga anda. Kami juga mengesyorkan bahawa volum muzik dan panggilan ditetapkan pada paras yang berpatutan.

- Apabila menggunakan fon kepala, kurangkan volum jika anda tidak dapat mendengar orang yang bercakap berdekatan dengan anda atau jika orang yang duduk di sebelah anda dapat mendengar apa yang sedang anda dengar.

**NOTA:** Tekanan bunyi yang melampau dari fon telinga dan fon kepala boleh menyebabkan kehilangan pendengaran.

## Bahagian Kaca

Beberapa bahagian peranti mudah alih anda dibuat daripada kaca. Kaca ini akan retak atau pecah jika telefon anda terjatuh ke atas permukaan yang keras atau menerima impak yang kuat. Jika kacanya pecah, jangan sentuh atau cuba untuk menanggalkannya. Berhenti menggunakan peranti mudah alih anda sehingga kaca diganti oleh pembekal khidmat yang diluluskan.

## Kawasan letupan

Jangan gunakan telefon di mana peletupan sedang dijalankan. Patuhi sekatan dan ikut sebarang aturan dan peraturan.

## Persekitaran boleh meletup

- Jangan gunakan telefon di tempat mengisi minyak.
- Jangan gunakan berhampiran bahan api atau bahan kimia.
- Jangan angkut atau simpan gas mudah terbakar, cecair atau bahan letupan di dalam ruang yang sama dengan yang mengandungi telefon mudah alih anda dan aksesori anda.

## Di dalam pesawat

Peranti wayarles boleh menyebabkan gangguan di dalam pesawat.

- Matikan telefon mudah alih anda sebelum menaiki sebarang pesawat terbang.
- Jangan gunakannya apabila mendarat tanpa izin anak kapal.

## Kanak-kanak

Simpan telefon di tempat yang selamat dan jauh daripada kanak-kanak kecil. Ia termasuk bahagian kecil yang boleh menyebabkan bahaya tercekik jika ia tertanggal.

## Panggilan kecemasan

Panggilan kecemasan mungkin tidak tersedia di bawah semua rangkaian mudah alih. Oleh itu, anda tidak sepatutnya bergantung semata-mata kepada telefon anda untuk membuat panggilan kecemasan. Semak dengan pembekal khidmat tempatan anda.

## Maklumat dan penjagaan bateri

- Anda tidak perlu menyahcas bateri sepenuhnya sebelum mengecasnya semula. Tidak seperti sistem bateri lain, tiada kesan memori yang boleh menjejaskan prestasi bateri.

- Gunakan hanya bateri dan pengecas LG. Pengecas LG direka bentuk untuk memaksimumkan hayat bateri.
- Jangan buka pemasangan atau litar pintaskan bateri.
- Pastikan sentuhan logam bateri bersih.
- Ganti bateri apabila ia tidak lagi memberi prestasi yang boleh diterima. Pek bateri mungkin dicas beratus kali sehingga ia perlu digantikan.
- Cas semula bateri jika ia tidak digunakan buat tempoh masa yang lama untuk memaksimumkan kebolegunaan.
- Jangan dedahkan pengecas bateri kepada cahaya matahari langsung atau gunakannya pada kelembapan yang tinggi, seperti di bilik air.
- Jangan biarkan bateri di tempat yang panas atau sejuk, ini mungkin menjejaskan prestasi bateri.
- Risiko letupan jika bateri diganti dengan jenis yang salah. Lupuskan bateri yang telah digunakan mengikut arahan.
- Jika anda hendak mengganti bateri, bawa ia ke pusat servis LG Electronics atau wakil penjual yang disahkan untuk mendapatkan bantuan.
- Tanggalkan pengecas dari soket dinding selepas telefon dicas sepenuhnya untuk menjimatkan kuasa pengecas daripada penggunaan yang tidak perlu.
- Hayat sebenar bateri bergantung kepada konfigurasi rangkaian, tetapan produk, corak penggunaan, dan keadaan bateri dan persekitaran.
- Pastikan tiada item berbuca tajam seperti kuku atau gigi haiwan, bersentuhan dengan bateri. Ini akan menyebabkan kebakaran.

## Panduan Anti Kecurian

Anda boleh menyediakan peranti anda untuk mencegah orang lain daripada menggunakannya jika ia telah ditetapkan semula kepada tetapan kilang tanpa keizinan anda. Contohnya, jika peranti anda hilang, dicuri, atau dihapuskan, hanya mereka yang mempunyai akaun Google atau maklumat kunci skrin anda boleh menggunakan peranti tersebut.

Perkara yang anda hanya perlu untuk memastikan peranti anda dilindungi ialah:

- **Tetapkan kunci skrin:** Jika peranti anda hilang atau dicuri tetap anda telah menetapkan kunci skrin, peranti tidak boleh dipadam menggunakan menu Tetapan melainkan skrin anda dibuka kunci.
- **Tambah akaun Google anda pada peranti anda:** Jika peranti anda dihapuskan tetapi anda mempunyai akaun Google padanya, peranti tidak boleh melengkapkan proses persediaan sehingga maklumat akaun Google anda dimasukkan semula.

Selepas peranti anda dilindungi, anda perlu sama ada membuka kunci skrin atau memasukkan kata laluan akaun Google jika anda perlu melakukan set semula kilang. Ini untuk memastikan anda atau seseorang yang anda percayai sedang menjalankan penetapan semula.

### NOTA:

- Jangan lupa akaun Google dan kata laluan yang anda tambah pada peranti sebelum melakukan penetapan semula kilang. Jika anda tidak boleh memberikan maklumat akaun semasa proses persediaan, anda tidak akan dapat menggunakan peranti langsung selepas menjalankan penetapan semula kilang.


## Pernyataan keselamatan laser

### Awas!

Produk ini menggunakan sistem Laser. Untuk memastikan cara penggunaan yang betul bagi produk ini, sila baca manual pemilik ini dengan teliti dan simpan untuk rujukan masa depan. Jika unit tersebut memerlukan penyelenggaraan, hubungi pusat khidmat yang sah.

Pengguna kawalan, pelarasan, atau prestasi prosedur selain daripada yang dinyatakan di dalam ini boleh menyebabkan pendedahan sinaran berbahaya.

Untuk mengelakkan pendedahan langsung kepada alur laser, jangan cuba untuk membuka kepingan atau membuat hubungan secara langsung dengan laser.



## Garis panduan untuk penggunaan selamat dan efisien

### Arahan untuk Pengecas Wayarles

Pastikan untuk menggunakan pengecas wayarles yang tulen atau keserasian disijilkan (oleh piawaian WPC Qi).

(Pengecas wayarles dijual secara berasingan.)

### PENGISYTIHARAN PEMATUHAN

Dengan ini, **LG Electronics** mengisytiharkan bahawa produk **LG-D855** ini mematuhi keperluan penting dan peruntukan lain yang berkaitan dalam Arahan **1999/5/EC**. Salinan Perisytiharan Pematuhan boleh didapati di <http://www.lg.com/global/declaration>

## Notis penting




### Sila baca maklumat ini sebelum mula menggunakan telefon anda!

Sila semak sama ada sebarang masalah telefon yang anda hadapi telah diterangkan dalam bahagian ini, sebelum anda membawa telefon anda untuk diservis atau memanggil wakil servis.

## 1. Memori telefon

Apabila ruang yang tinggal pada memori telefon anda kurang daripada 10%, telefon anda tidak akan dapat menerima mesej yang baru. Anda perlu memeriksa memori telefon anda dan memadamkan sebahagian data seperti aplikasi atau mesej, untuk menjadikan lebih banyak memori tersedia.

**Untuk membuang pemasangan aplikasi:**

- 1 Ketik  >  > tab **Apl** >  **Tetapan** > tab **Umum** > **Apl**.
- 2 Selepas semua aplikasi muncul, tatal dan pilih aplikasi yang hendak anda membuang pemasangan.
- 3 Ketik **Nyahpasang**.

## 2. Mengoptimumkan hayat bateri

Anda boleh memanjangkan hayat bateri anda dengan mematikan ciri yang tidak perlu anda jalankan setiap masa di latar belakang. Anda juga boleh memantau bagaimana aplikasi dan sumber sistem menggunakan kuasa bateri.

**Memanjangkan hayat bateri anda:**




- Matikan komunikasi radio jika anda tidak menggunakannya. Jika anda tidak menggunakan Wi-Fi, Bluetooth® atau GPS, matikan ia.
- Kurangkan kecerahan skrin dan tetapkan masa tamat skrin yang lebih pendek.
- Matikan penyegerakan automatik bagi Gmail, Kalendar, Kenalan dan aplikasi lain.

## Notis penting

- Sesetengah aplikasi yang telah anda muat turun mungkin akan mengurangkan kuasa bateri.
- Semasa menggunakan aplikasi yang dimuat turun, semak tahap cas bateri.




**NOTA:** Jika anda tidak sengaja tertekan Kekunci Kuasa/Kunci semasa peranti di dalam poket anda, skrin akan dimatikan secara automatik untuk menjimatkan kuasa bateri.

### Untuk memeriksa tahap cas bateri:

- Ketik  >  > tab **Apl** >  **Tetapan** > tab **Umum** > **Mengenai telefon** > **Bateri**.

Status bateri (mengecas atau menyahcas) dan tahap bateri (peratus dicas) akan dipaparkan pada bahagian atas skrin.

### Untuk mengawasi dan mengawal bagaimana kuasa bateri digunakan:

- Ketik  >  > tab **Apl** >  **Tetapan** > tab **Umum** > **Mengenai telefon** > **Penggunaan bateri**.

Masa penggunaan bateri dipaparkan pada skrin. Ia memberitahu tempoh masa semenjak anda menyambung telefon anda kepada sumber kuasa atau, jika sedang disambung kepada sumber kuasa, berapa lama telefon berjalan menggunakan kuasa bateri pada kali terakhir. Skrin akan menunjukkan aplikasi atau perkhidmatan yang menggunakan kuasa bateri, yang disusun dari penggunaan terbesar hingga terkecil.

## 3. Sebelum memasang aplikasi dan OS sumber terbuka






### AMARAN

Jika anda memasang dan menggunakan OS selain daripada yang disediakan oleh pengeluar, ini mungkin akan menyebabkan telefon anda gagal berfungsi. Di samping itu, telefon anda tidak lagi dilindungi oleh waranti ini.

## AMARAN

Untuk melindungi telefon dan data peribadi anda, hanya muat turun aplikasi daripada sumber yang boleh dipercayai, seperti Play Store™. Jika terdapat aplikasi yang tidak dipasang dengan betul pada telefon anda, telefon anda mungkin tidak akan berfungsi sebagaimana sepatutnya atau ralat yang serius mungkin berlaku. Anda hendaklah menyahpasang aplikasi-aplikasi tersebut dan semua data dan tetapannya daripada telefon.

## 4. Menggunakan buka kunci corak

Tetapkan buka kunci corak untuk menjamin keselamatan telefon anda. Ketik  >  > tab **Apl** >  **Tetapan** > tab **Paparan** > **Skrin kunci** > **Pilih skrin kunci** > **Corak**. Ini akan membuka skrin yang akan menunjuk ajar cara melukis corak buka kunci skrin. Anda hendaklah mencipta PIN Sandaran sebagai langkah keselamatan jika anda terlupa buka kunci corak.

**Amaran:** Cipta akaun Google dahulu sebelum menetapkan buka kunci corak dan ingat PIN Sandaran yang anda cipta sewaktu mencipta kunci corak anda.

## AMARAN

### Langkah berjaga-jaga semasa menggunakan kunci corak.

Mengingati corak buka kunci yang anda tetapkan amatlah penting. Anda tidak akan dapat mengakses telefon anda jika anda menggunakan corak yang salah sebanyak 5 kali. Anda mempunyai 5 peluang untuk memasukkan corak buka kunci, PIN atau kata laluan anda. Jika anda telah menggunakan kesemua 5 peluang, anda boleh mencuba lagi selepas 30 saat.

**Apabila anda tidak dapat ingat Corak buka kunci, PIN, atau Kata Laluan anda:**  
< **Jika anda terlupa corak anda** >

Jika anda log masuk ke akaun Google anda pada telefon tetapi gagal memasukkan corak yang betul sebanyak 5 kali, ketik butang **Terlupa corak?** di bahagian bawah



## Notis penting

skrin. Selepas itu anda diminta untuk log masuk dengan Akaun Google anda, atau anda perlu memasukkan PIN Sandaran yang telah anda masukkan semasa membuat Kunci Corak anda.

**NOTA:** Jika anda belum log masuk ke Akaun Google anda dan terlupa Corak Buka Kunci anda, anda perlu memasukkan PIN Sandaran anda.

## 5. Membuka dan beralih aplikasi

Melakukan berbilang tugas menjadi mudah dengan Android, anda boleh membiarkan lebih daripada satu aplikasi berjalan pada masa yang sama. Tidak perlu keluar daripada suatu aplikasi sebelum membuka yang satu lagi. Gunakan dan beralih antara beberapa aplikasi terbuka. Android menguruskan setiap aplikasi, menghentikan dan memulakannya jika perlu untuk memastikan bahawa aplikasi melalu tidak menggunakan sumber tanpa ada perlunya.

- 1 Ketik **Kekunci Terbaru** . Senarai aplikasi yang baru digunakan akan dipaparkan.
  - 2 Ketik aplikasi yang hendak anda akses. Ini tidak menghentikan aplikasi sebelumnya yang berjalan di latar belakang pada telefon. Pastikan anda mengetik **Kekunci Kembali**  untuk keluar daripada aplikasi selepas menggunakannya.
- Untuk mengeluarkan aplikasi daripada senarai aplikasi yang baru digunakan, seret pratonton aplikasi ke kiri atau ke kanan. Untuk mengosongkan semua aplikasi, ketik **Kosongkan semua**.

## 6. Memindahkan muzik, foto dan video menggunakan Penyegerakan media (MTP)

- 1 Sambungkan peranti anda ke PC menggunakan kabel USB yang dibekalkan bersama telefon anda.
- 2 Buka Panel pemberitahuan dan pilih **Peranti media (MTP)**.

3 Tetingkap akan muncul pada PC anda, membenarkan anda memindahkan data yang diingini.

**NOTA:**

- Pemacu Platform Android LG perlu dipasangkan pada PC anda untuk membolehkan pengesanan telefon.
- Semak keperluan untuk menggunakan **Peranti media (MTP)**.

## 7. Pegang telefon anda dengan menegak

Pegang telefon bimbit anda dengan menegak, sebagaimana anda memegang telefon biasa. Telefon anda mempunyai antena dalaman. Anda hendaklah berhati-hati agar tidak mencalar atau merosakkan bahagian belakang telefon, kerana ini mungkin akan menjejaskan prestasi.

Semasa membuat/menerima panggilan atau menghantar/menerima data, elakkan memegang bahagian bawah telefon di mana antena terletak. Berbuat demikian dapat menjejaskan kualiti panggilan.

## 8. Jangan sambung telefon anda ketika anda menghidup atau mematikan PC anda

Pastikan anda memutuskan sambungan telefon anda daripada PC semasa menghidupkan atau mematikan kuasa PC anda kerana ia mungkin menyebabkan ralat PC.

### 9. Mod kawalan kekunci perkakasan

Jika paparan telefon anda rosak atau pecah, anda boleh menjawab panggilan masuk atau mematikan penggera menggunakan kekunci perkakasan.

- 1 Matikan telefon anda.
  - 2 Tekan dan tahan **Kekunci Kuasa/Kunci** dan **Kekunci Volum** serentak lebih daripada 6 saat untuk memasuki mod Kawalan kekunci perkakasan.
  - 3 Tekan **Kekunci Volum** untuk menatal ke pilihan yang dikehendaki, kemudian tekan **Kekunci Kuasa/Kunci** untuk mengesahkan.
- **Menjawab panggilan:** Tekan **Kekunci Volum** pada masa yang sama.
  - **Menghentikan penggera:** Apabila penggera berbunyi, tekan dan tahan **Kekunci Naik Volum** atau **Kekunci Turun Volum** untuk menghentikan penggera.

**NOTA:** Jika cermin paparan telefon pecah dan anda terus menggunakannya, ia mungkin pecah lebih teruk atau boleh mendatangkan kecederaan. Sila pergi ke pusat perkhidmatan LG yang sah untuk membaiki telefon anda.

# Mengenalinya telefon anda

## Gambaran keseluruhan telefon




### NOTA: Sensor kedekatan

Semasa menerima dan membuat panggilan, sensor dekat akan mematikan lampu latar secara automatik dengan mengesan apabila telefon berada berdekatan dengan telinga anda. Ini akan memanjangkan hayat bateri.

### ⚠️ AMARAN

Meletakkan objek berat di atas telefon atau duduk di atasnya akan merosakkan LCD dan kefungsiannya skrin sentuhnya. Jangan tutup sensor kedekatan dengan filem pelindung. Ini boleh menyebabkan sensor gagal berfungsi.

## Mengenalinya telefon anda




### AMARAN

- Bahagian ini menutup ruang bateri.
- Berhati-hati agar anda tidak merosakkan titik sentuh NFC pada telefon ini, yang merupakan bahagian antena NFC.


## Memasang kad SIM dan bateri

Sebelum anda boleh mula meneroka telefon baru anda, anda perlu menyediakannya dahulu.

- 1 Untuk mengeluarkan penutup belakang, pegang telefon dengan kukuh di dalam sebelah tangan anda. Gunakan tangan sebelah lagi untuk menanggalkan penutup belakang dengan kuku ibu jari anda seperti yang ditunjukkan dalam rajah di bawah.




- 2 Luncurkan kad SIM ke dalam slot bawah kad SIM seperti yang ditunjukkan dalam rajah. Pastikan kawasan sesentuh emas pada kad menghadap ke bawah.




## Mengenalinya telepon anda

- 3 Masukkan baterai ke tempatnya dengan menjajarkan sentuhan emas pada telepon dan baterai (1) dan menekannya ke bawah sehingga ia berklik di tempatnya (2).



- 4 Sejajarkan penutup belakang di atas ruang baterai (1) dan tekan ke bawah sehingga penutup berdetap di tempatnya (2).




## Mengecas telefon anda

Caj bateri sebelum menggunakannya buat kali pertama. Gunakan pengecas untuk mengecas bateri. Komputer juga boleh digunakan untuk mengecas peranti dengan menyambungkannya melalui kabel USB.

### AMARAN

Hanya gunakan pengecas, bateri dan kabel yang disokong LG. Jika anda menggunakan pengecas, bateri atau kabel yang tidak diluluskan, ini boleh menyebabkan pengecasan bateri yang perlahan atau mesej pop timbul berkenaan pengecasan yang perlahan. Atau ini boleh menyebabkan bateri meletup atau merosakkan peranti, yang tidak dilindungi waranti.

Penyambung pengecas terletak di bahagian bawah telefon. Masukkan pengecas, dan pasang plag pada bekalan kuasa elektrik.



### NOTA:

- Bateri hendaklah dicas sepenuhnya pada awalnya untuk meningkatkan jangka hayat bateri.
- Jangan buka penutup belakang semasa telefon anda sedang dicas.

## Mengenalinya telepon anda

### Menggunakan kad memori


Telefon anda menyokong penggunaan kad memori microSD™, microSDHC™ atau microSDXC™ berkapasiti sehingga 2TB. Kad memori ini direka bentuk khusus untuk telefon mudah alih dan peranti ultra kecil yang lain dan ideal untuk menyimpan fail yang kaya dengan media seperti muzik, program, video dan foto untuk digunakan dengan telefon anda.

#### Untuk memasukkan kad memori:

Masukkan kad memori ke dalam slot atas bagi kad memori. Pastikan kawasan sesentuh emas pada Kad memori menghala ke bawah.

#### Untuk mengeluarkan kad memori dengan selamat:

Sentuh  > tab **Apl** >  **Tetapan** > tab **Umum** > **Storan & USB** > **Kad SD**  tab.






### NOTA:

- Gunakan kad memori yang serasi dengan telefon anda. Menggunakan kad memori yang tidak serasi mungkin merosakkan kad dan data yang disimpan pada kad serta telefon.
- Untuk mengelakkan kerosakan pada kad memori atau data yang disimpan pada kad, kad memori harus dinyahlekapkan sebelum dikeluarkan dari telefon.

### Untuk memformat kad memori:

Kad memori mungkin telah diformatkan. Jika tidak, anda mesti memformatkannya sebelum anda boleh menggunakannya.

**NOTA:** Semua fail pada kad memori anda akan dipadam apabila kad diformatkan.

- 1 Sentuh  untuk buka senarai aplikasi.
- 2 Tatal dan sentuh  **Tetapan** > tab **Umum** > **Storan & USB**.
- 3 Sentuh **Kad SD**.
- 4 Sentuh  pilihan > **Tetapan** > **Format**.

**NOTA:** Jika terdapat kandungan dalam kad memori anda, struktur foldernya mungkin berbeza selepas diformatkan memandangkan semua fail telah dipadamkan.


## Mengenalinya telefon anda

### Mengunci dan menyahkunci skrin

Jika anda tidak menggunakan telefon untuk seketika, skrin akan terpadam dan terkunci secara automatik. Ini membantu menghalang daripada kekunci ditekan tanpa sengaja dan menjimatkan kuasa bateri.

Apabila anda tidak menggunakan telefon, tekan **kekunci Kuasa/Kunci**  untuk mengunci telefon anda.

Jika mana-mana program sedang berjalan semasa anda mengunci skrin anda, ia mungkin masih terus berjalan dalam mod Kunci. Anda disyorkan agar keluar daripada semua program sebelum memasuki mod Kunci untuk mengelakkan bayaran yang tak perlu (seperti panggilan telefon, akses web dan komunikasi data).

Untuk membangunkan telefon anda, tekan **kekunci Kuasa/Kunci** . Skrin kunci akan muncul. Sentuh dan luncurkan Skrin kunci ke mana-mana arah untuk membuka kunci skrin Utama anda. Skrin terakhir yang anda lihat akan terbuka.


### Knock Code

Ciri Knock Code membolehkan anda mengetik skrin dengan corak Knock Code anda sendiri menggunakan skrin yang dibahagikan kepada 4 petak menghidupkan atau mematikan skrin dengan mudah. Anda boleh melumpuhkan ciri ini dalam tetapan Skrin kunci.

#### NOTA:

- Jika anda memasukkan Knock Code yang salah sebanyak 6 kali, anda akan dibawa ke log masuk akaun Google/PIN sandaran anda.
- Gunakan hujung jari dan bukan kuku jari untuk ketik skrin bagi menghidupkan atau mematakannya.
- Apabila Knock Code tidak digunakan, anda boleh menggunakan fungsi Pasangkan Skrin dengan mengetik skrin.

- 1 Daripada skrin Utama, ketik  **Kekunci Apl** >  **Tetapan** > tab **Paparan**.
- 2 Ketik **Skrin kunci** > **Pilih skrin kunci** > **Knock Code**.
- 3 Ketik petak dalam corak untuk menetapkan knock code anda.



## Membuka kunci skrin menggunakan Knock Code

Anda boleh membuka kunci skrin dengan mengetik corak Knock Code yang telah anda tetapkan.

- 1 Apabila skrin dimatikan, tekan kekunci Kuasa.
- 2 Ketik corak Knock Code yang anda tetapkan sebelum ini.

## Pasangkan skrin

Anda boleh mengunci atau membuka kunci skrin dengan hanya dwiketik. Dwiketik skrin tengah dengan segera untuk membuka kunci skrin. Untuk mengunci skrin, dwiketik bar status dalam mana-mana skrin (kecuali pada pencari pandangan kamera) atau kawasan kosong pada skrin Utama.

**NOTA:** Apabila menghidupkan skrin, pastikan anda tidak menghalang sensor berdekatan. Berbuat demikian akan mematikan skrin dengan segera selepas menghidupkannya untuk mengelakkan sensor dihidupkan secara tidak normal dalam poket atau beg anda.

# Mengenalinya telepon anda

## Set kepala stereo dengan mikrofon

Dengan set kepala yang disambungkan, anda boleh menikmati muzik atau video dengan bunyi stereo dan bertukar dengan mudah daripada muzik/video anda untuk mengambil dan menamatkan panggilan.

< Depan >




**Butang Volum Naik/Turun**

**Butang Panggilan/Tamat**


- Untuk panggilan masuk, tekan untuk menerima atau menamatkan panggilan.
- Apabila anda mendengar muzik, tekan untuk menghentikan main semula atau menyambung semula. Tekan dua kali untuk memainkan lagu seterusnya.



< Belakang >



**Mikrofon**

**1** Masukkan plag set kepala seperti yang ditunjukkan di bawah.



- 2 Jika terdapat panggilan masuk apabila set kepala disambungkan pada telefon, tekan  untuk menjawab panggilan.
- 3 Untuk menamatkan panggilan, tekan semula .

# Skrin utama anda

## Petua skrin sentuh

Di sini terdapat beberapa petua mengenai cara menavigasi telefon anda.

**Ketik atau sentuh** – Satu ketikan jari memilih item, pautan, pintasan dan huruf pada papan kekunci pada skrin.

**Sentuh dan tahan** – Sentuh dan tahan item pada skrin dengan mengetiknya dan tidak mengangkat jari anda sehingga tindakan berlaku. Contohnya, untuk membuka pilihan tersedia kenalan, sentuh dan tahan kenalan dalam senarai Kenalan sehingga menu konteks terbuka.

**Seret** – Sentuh dan tahan item buat seketika, lalu, tanpa mengangkat jari anda, gerakkan jari anda pada skrin sehingga anda mencapai kedudukan yang disasarkan. Anda boleh menyeret item pada Skrin utama untuk menukar kedudukannya.

**Sapu atau luncurkan** – Untuk sapu atau luncurkan, dengan pantas gerakkan jari anda merentasi permukaan skrin, tanpa berhenti semasa anda mula-mula mengetiknya (supaya anda tidak menyeretnya pula). Contohnya, anda boleh meluncur skrin ke atas atau ke bawah untuk menatal menerusi senarai, atau menyemak imbas melalui Skrin utama berbeza dengan menyapu dari kiri ke kanan (dan sebaliknya).

**Ketik dua kali** – Ketik dua kali untuk zum pada halaman web atau peta. Contohnya, dengan cepat ketik dua kali bahagian halaman web untuk melaraskan bahagian itu untuk disesuaikan dengan lebar skrin. Anda juga boleh dwiketik untuk zum masuk dan keluar semasa melihat gambar.


**Cubit untuk Zum** – Gunakan jari telunjuk dan ibu jari anda dalam gerakan mencubit atau mengembang untuk zum masuk atau keluar semasa menyemak imbas Peta atau gambar.

**Putar skrin** – Daripada banyak aplikasi dan menu, orientasi skrin akan dilaraskan mengikut orientasi fizikal peranti.

## NOTA:

- Untuk memilih item, ketik bahagian tengah ikon.
- Jangan tekan terlalu kuat, skrin ketik cukup sensitif untuk mengesan ketikan yang ringan, namun teguh.
- Gunakan hujung jari anda untuk mengetik pilihan yang anda kehendaki. Berhati-hati supaya tidak mengetik kekunci lain.

## Skrin utama

Skrin utama ialah titik permulaan untuk banyak aplikasi dan fungsi serta membenarkan anda menambah item seperti pintasan aplikasi atau widget Google untuk memberikan anda akses segera kepada maklumat dan aplikasi. Ini ialah kanvas lalai dan dapat diakses dari sebarang menu dengan mengetik .



# Skrin utama anda

## Skrin utama dilanjutkan

Sistem pengendalian menyediakan berbilang kanvas skrin Utama untuk menyediakan lebih banyak ruang untuk menambah ikon, widget dan banyak lagi.

- ▶ Luncurkan jari anda ke kiri atau ke kanan merentasi skrin Utama.

## Menyesuaikan Skrin utama

Anda boleh menyesuaikan Skrin utama anda dengan menambah aplikasi, widget atau menukar kertas hias dinding.

### Untuk menambah item pada skrin Utama anda

- 1 Sentuh dan tahan bahagian kosong pada Skrin utama.
- 2 Dalam menu apl, pilih item yang anda ingin tambah. Kemudian anda akan melihat item yang ditambah pada Skrin utama.
- 3 Seret ia ke lokasi yang dikehendaki dan angkat jari anda.

**PETUA!** Untuk menambahkan ikon aplikasi pada Skrin utama pada menu Apl, sentuh dan tahan aplikasi yang anda ingin tambah.

### Untuk mengalih keluar item daripada Skrin utama

- ▶ Skrin utama > sentuh dan tahan ikon yang anda ingin alih keluar > seret ia ke .

### Untuk menambah aplikasi sebagai kekunci Pantas


- ▶ Daripada menu Aplikasi atau pada skrin Utama, sentuh dan tahan ikon aplikasi dan seretnya ke kawasan kekunci Pantas. Sehingga 7 aplikasi boleh ditambah.

### Untuk mengalih keluar aplikasi dari kawasan kekunci Pantas

- ▶ Sentuh dan tahan kekunci pantas yang diinginkan dan seretnya ke .



**NOTA:**  **Kekunci Apl** tidak boleh dialih keluar.

### Untuk menyesuaikan ikon aplikasi pada skrin Utama

- 1 Sentuh dan tahan ikon aplikasi sehingga ia dibuka kunci dari kedudukan semasanya. Kemudian jatuhkannya pada skrin. Ikon pengeditan  akan muncul di sudut kanan atas aplikasi.

- 2 Ketik semula ikon aplikasi dan pilih reka bentuk dan saiz ikon yang diinginkan.
- 3 Ketik **OK** untuk menyimpan perubahan.

## Kembali ke aplikasi yang digunakan baru-baru ini


- 1 Ketik . Senarai aplikasi yang baru digunakan akan dipaparkan.
- 2 Ketik ikon untuk membuka aplikasinya. Atau ketik  untuk kembali ke skrin sebelumnya.

## Panel pemberitahuan

Pemberitahuan memaklumkan anda tentang ketibaan mesej baru, acara kalendar, dan penggera serta peristiwa yang sedang berlaku, seperti semasa anda sedang menjawab panggilan.

Apabila pemberitahuan tiba, ikonnya akan muncul pada bahagian atas skrin. Ikon bagi pemberitahuan yang belum dibuka muncul di sebelah kiri dan ikon sistem seperti Wi-Fi atau kekuatan bateri ditunjukkan di sebelah kanan.


**NOTA:** Pilihan yang tersedia mungkin berbeza bergantung kepada kawasan atau pembekal perkhidmatan.




# Skrin utama anda

## Membuka panel pemberitahuan

Leret ke bawah dari bar status untuk membuka panel pemberitahuan.



### Kawasan Togol Pantas

Ketik setiap kekunci togol pantas untuk menghidupkan/mematikannya. Sentuh dan tahan kekunci untuk mengakses menu tetapan fungsi. Untuk melihat lebih banyak kekunci togol, sapu ke kiri atau ke kanan. Ketik  untuk mengalih keluar, menambah atau menyusun semula kekunci togol.

### Pemberitahuan

Pemberitahuan semasa disenaraikan, setiap satunya dengan keterangan ringkas. Ketik pemberitahuan untuk melihatnya.

Untuk menutup panel pemberitahuan, sentuh dan seret tab ke arah atas skrin.

## Ikon penunjuk pada Bar Status

Ikon penunjuk muncul pada bar status di bahagian atas skrin untuk melaporkan panggilan tidak dijawab, mesej baru, acara kalendar, status peranti dan banyak lagi.



Ikon yang dipaparkan di bahagian atas skrin memberi maklumat tentang status peranti. Ikon yang disenaraikan dalam jadual di bawah adalah ikon yang biasa didapati.

Ikon	Huraian
	Tiada kad SIM yang dimasukkan

Ikon	Huraian
	Pendering disenyapkan

Ikon	Huraian
	Tiada isyarat rangkaian yang tersedia
	Mod pesawat dihidupkan
	Disambungkan kepada rangkaian Wi-Fi
	Alat dengar berwayar disambungkan
	Panggilan dalam perkembangan
	Panggilan tidak dijawab
	Bluetooth dihidupkan
	NFC dihidupkan
	Amaran sistem
	Penggera ditetapkan
	Mel suara baru tersedia
	Teks baru
	Lagu sedang dimainkan

Ikon	Huraian
	Mod getar dihidupkan
	Bateri dicas sepenuhnya
	Bateri sedang dicas
	Telefon disambungkan dengan PC melalui kabel USB
	Memuat turun data
	Memuat naik data
	GPS dihidupkan
	Mesej baru Gmail tersedia
	Mesej baru Hangouts tersedia
	Pilih kaedah input
	Perkongsian kandungan pelayan media
	Hotspot Wi-Fi adalah aktif

**NOTA:** Kedudukan ikon pada bar status mungkin berbeza mengikut fungsi atau perkhidmatan.

## Papan kekunci atas skrin

Anda juga boleh memasukkan teks menggunakan papan kekunci atas skrin. Papan kekunci atas skrin muncul secara automatik pada skrin apabila anda perlu memasukkan teks. Untuk memaparkan papan kekunci secara manual, hanya sentuh medan teks tempat anda hendak memasukkan teks.

### Menggunakan pad kekunci & memasukkan teks

 Ketik sekali untuk menjadikan huruf seterusnya yang anda taip dalam huruf besar. Ketik dua kali untuk membuatkan semua huruf besar.

 Ketik untuk beralih kepada papan kekunci angka dan simbol.

 Ketik untuk mengakses tetapan papan kekunci. Sentuh dan tahan untuk mengakses mod input suara, mod tulisan tangan atau Dulang Klip.

 Ketik untuk memasukkan ruang.

 Ketik untuk mencipta baris baru.

 Ketik untuk memadam aksara yang sebelumnya.

### Memasukkan huruf aksen

Apabila anda memilih bahasa Perancis atau Sepanyol sebagai bahasa masukan teks, anda boleh memasukkan aksara istimewa Perancis atau Sepanyol (seperti "á").

Sebagai contoh, untuk memasukkan "á", sentuh dan tahan kekunci "a" sehingga kekunci zum masuk menjadi semakin besar dan memaparkan aksara daripada pelbagai bahasa.

Lalu pilih aksara khas yang anda kehendaki.

## Persediaan akaun Google

Apabila anda menghidupkan telefon anda buat pertama kali, anda mempunyai peluang untuk mengaktifkan rangkaian, mendaftar masuk ke Akaun Google anda dan memilih cara anda menggunakan sesetengah perkhidmatan Google.

### Untuk menyediakan akaun Google anda:

- Mendaftar masuk ke Akaun Google daripada skrin persediaan yang digesa.

#### ATAU

- Ketik  >  > tab **Apl** > pilih aplikasi Google, seperti **Gmail** > **FAHAM** > pilih **Tambah alamat e-mel** untuk mencipta akaun baharu atau menambah akaun anda.

Setelah anda menyediakan akaun Google anda pada telefon anda, telefon anda akan secara automatik menyegerak dengan akaun Google anda di Web.

Kenalan anda, mesej Gmail, acara Kalendar, dan maklumat lain daripada aplikasi dan perkhidmatan di Web akan disegerakkan dengan telefon anda. (Ini bergantung pada tetapan penyegerakan anda.)

Selepas mendaftar masuk, anda boleh menggunakan Gmail™ dan mengambil manfaat daripada perkhidmatan Google pada telefon anda.

# Menyambung kepada Rangkaian dan Peranti

## Wi-Fi

Dengan Wi-Fi, anda boleh menggunakan akses Internet kelajuan tinggi dalam liputan titik akses wayarles (AP). Nikmati Internet wayarles menggunakan Wi-Fi, tanpa caj tambahan.




### Menyambung ke rangkaian Wi-Fi

Untuk menggunakan Wi-Fi pada telefon anda, anda perlu mengakses titik akses wayarles atau 'hotspot'. Sesetengah pusat akses adalah terbuka dan anda hanya perlu menyambung padanya. Yang lain adalah tersembunyi atau menggunakan ciri keselamatan, jadi anda hendaklah mengkonfigurasi telefon anda agar dapat menyambung kepadanya.

Matikan Wi-Fi apabila anda tidak menggunakannya, untuk melanjutkan hayat bateri anda.

**NOTA:** Jika anda di luar zon Wi-Fi atau anda menetapkan Wi-Fi kepada **OFF**, caj tambahan akan dikenakan oleh operator mudah alih anda bagi penggunaan data mudah alih.

### Menghidupkan Wi-Fi dan menyambung kepada rangkaian Wi-Fi

- 1 Ketik  >  > tab **Apl** >  **Tetapan** > tab **Rangkaian** > **Wi-Fi**.
- 2 Tetapkan **Wi-Fi** kepada **ON** untuk hidupkannya dan mula mengimbas untuk rangkaian Wi-Fi yang tersedia.
- 3 Ketik menu Wi-Fi sekali lagi untuk melihat senarai rangkaian Wi-Fi yang aktif dan di dalam lingkungan.
  - Rangkaian selamat ditandakan oleh ikon kunci.
- 4 Ketik rangkaian untuk menyambung padanya.
  - Jika rangkaian selamat, anda digesa untuk memasukkan kata laluan atau kelayakan lain. (Tanya pentadbir rangkaian anda untuk mendapatkan butiran)
- 5 Bar status memaparkan ikon yang menunjukkan status Wi-Fi.

## Bluetooth




Anda boleh menggunakan Bluetooth untuk menghantar data dengan menjalankan aplikasi yang sepadan, bukan daripada menu Bluetooth seperti mana kebanyakan telefon mudah alih yang lain.

### NOTA:

- LG tidak bertanggungjawab terhadap kehilangan, pintasan, atau penyalahgunaan data yang dihantar atau diterima melalui ciri wayarles Bluetooth.
- Sentiasa pastikan bahawa anda berkongsi dan menerima data dengan peranti yang dipercayai dan dilindungi dengan sempurna. Jika terdapat halangan antara peranti, jarak operasi boleh dikurangkan.
- Beberapa peranti, terutamanya yang tidak diuji atau diluluskan oleh Bluetooth SIG, mungkin tidak serasi dengan peranti anda.

### Menghidupkan Bluetooth dan memperpasangkan telefon anda dengan peranti Bluetooth

Anda hendaklah memasang peranti anda dengan peranti lain sebelum anda menyambung padanya.

- 1 Ketik  >  > tab **Apl** >  **Tetapan** > tab **Rangkaian** > tetapkan **Bluetooth** kepada **ON**.
  - 2 Ketik menu **Bluetooth** sekali lagi.
Untuk menambah penanda buku, ketik Kekunci menu : → ☆.

# Tetapan

Bahagian ini memberikan gambaran tentang item yang anda boleh tukar menggunakan menu Tetapan sistem telefon anda.

## Untuk mengakses menu Tetapan:

Ketik  > Sentuh dan tahan  > **Tetapan sistem..**

- atau -

Ketik  >  > tab **Apl** >  **Tetapan.**

## Rangkaian

### < Wi-Fi >

**Wi-Fi** - Menghidupkan Wi-Fi untuk menyambung ke rangkaian Wi-Fi.

#### **PETUA! Bagaimana untuk mendapatkan alamat MAC**

Untuk menyediakan sambungan dalam sesetengah rangkaian wayarles dengan penapis MAC, anda mungkin perlu memasukkan alamat MAC telefon anda ke dalam penghala.

Anda boleh mendapatkan alamat MAC dalam antara muka pengguna yang berikut: ketik  >  > tab **Apl** >  **Tetapan** > tab **Rangkaian** > **Wi-Fi** >  > **Lanjutan Wi-Fi** > **Alamat MAC.**

### < Bluetooth >

Hidupkan ciri wayarles Bluetooth untuk menggunakan Bluetooth.

### < Data mudah alih >

Memaparkan penggunaan data dan menetapkan had penggunaan data mudah alih.

### < Tetapan panggilan >

Konfigurasi tetapan panggilan telefon seperti pemajuan panggilan, dan ciri istimewa lain yang ditawarkan oleh pembawa rangkaian anda.

**Mel suara** – Membolehkan anda memilih perkhidmatan mel suara yang disediakan oleh pembawa rangkaian anda.

## Tetapan

**Nombor Dailan Tetap** – Hidupkan dan kumpulkan senarai nombor yang boleh dihubungi daripada telefon anda. Anda akan memerlukan PIN2 anda, yang boleh didapati daripada operator anda. Hanya nombor yang termasuk dalam senarai dail tetap boleh dipanggil daripada telefon anda.

**Kemasukan panggilan tetingkap timbul** – Papar pop timbul panggilan masuk suara semasa aplikasi sedang digunakan.

**Tolak panggilan** – Membolehkan anda menetapkan fungsi tolak panggilan. Pilih daripada **Hubungi mod penolakan** atau **Menolak panggilan daripada**.

**Tidak menerima dengan mesej** – Apabila anda hendak menolak panggilan, anda boleh menghantar mesej pantas menggunakan fungsi ini. Ini amat berguna jika anda perlu menolak panggilan semasa mesyuarat.

**Mengalihkan panggilan** – Pilih sama ada anda ingin mengalih semua panggilan semasa talian sibuk, apabila tidak dijawab atau apabila isyarat tiada.

**Jawab secara automatik** – Tetapkan masa sebelum peranti bebas tangan yang bersambung menjawab panggilan masuk secara automatik. Pilih daripada **Mati, 1 saat, 3 saat dan 5 saat**.

**Getaran penyambungan** – Telefon anda bergetar semasa pihak yang dihubungi menjawab panggilan.

**Penyekatan Bunyi** – Menyekat bunyi latar belakang pada peranti anda semasa panggilan.

**Peningkatan suara** – Meningkatkan kualiti suara dalam persekitaran yang bising supaya anda boleh mendengar dengan lebih jelas.

**Simpan nombor tidak dikenali** – Menambah nombor tidak diketahui ke dalam kenalan selepas panggilan.

**Kekunci kuasa tamatkan panggilan** – Membolehkan anda memilih butang untuk menamatkan panggilan anda.

**Jawab panggilan masuk** – Dayakan untuk membawa peranti ke telinga anda untuk menjawab panggilan masuk secara automatik.

**Panggilan masuk secara senyap** – Tanda semak untuk membolehkan anda menterbalikkan peranti untuk menyenyapkan panggilan masuk.

**Sekatan panggilan** – Kunci panggilan masuk, keluar atau antarabangsa.

**Tempoh Panggilan** – Lihat tempoh panggilan termasuk Panggilan terakhir, Panggilan keluar, Panggilan masuk dan Semua panggilan.

**Tetapan tambahan** – Ini membolehkan anda menukar tetapan yang berikut:

**ID Pemanggil:** Pilih sama ada hendak memaparkan nombor telefon anda pada panggilan keluar.

**Panggilan Menunggu:** Jika panggilan menunggu diaktifkan, telefon akan memberitahu anda tentang panggilan masuk semasa anda sedang menjawab panggilan lain (bergantung kepada pembekal rangkaian anda).

### < Kongsi & Bersambung >

**NFC** – Telefon anda adalah telefon mudah alih berdaya NFC. NFC (Komunikasi Medan Dekat) adalah teknologi kesambungan wayarles yang mendayakan komunikasi dua hala antara peranti elektronik. Ia beroperasi dalam jarak liputan beberapa sentimeter. Anda boleh berkongsi kandungan anda dengan tag NFC atau peranti lain yang disokong NFC hanya dengan mengetiknya menggunakan peranti anda. Jika anda mengetik tag NFC dengan peranti anda, ia akan memaparkan kandungan tag pada peranti anda.

**Untuk menghidupkan atau mematikan NFC:** Pada Skrin utama, sentuh dan luncurkan panel pemberitahuan ke bawah dengan jari anda, lalu pilih ikon NFC untuk menghidupkannya.

**NOTA:** Apabila mod pesawat diaktifkan, aplikasi NFC boleh digunakan.

**Menggunakan NFC:** Untuk menggunakan NFC, pastikan peranti anda dihidupkan dan aktifkan NFC, jika ia telah dinyahdayakan.

**Android Beam** – Apabila ciri ini dihidupkan, anda boleh memancarkan kandungan apl ke peranti boleh NFC dengan memegang peranti dalam keadaan rapat.

Hanya rapatkan kedua-dua peranti (biasanya membelakangi satu sama lain) kemudian ketik skrin anda. Apl akan menentukan apa yang akan dipancarkan.

## Tetapan

**SmartShare Beam** – Hidupkan untuk menerima kandungan multimedia melalui Smartshare Beam daripada telefon atau tablet LG.

**Pelayan media** – Kongsi kandungan media dengan peranti berdekatan melalui DLNA.

**Miracast** – Pantulkan skrin dan bunyi telefon pada anak kunci Miracast atau TV secara Wayarles.

**LG PC Suite** – Sambungkan LG PC Suite dengan telefon anda untuk Urus kandungan multimedia dan aplikasi dengan mudah.

**Mencetak** – Mencetak melalui pencetak wayarles.

### < Penambat >

**Penambatan USB** – Sambungkan kabel USB untuk berkongsi sambungan internet dengan komputer.

**Wi-Fi hotspot** – Anda boleh juga menggunakan telefon anda untuk menyediakan sambungan jalur lebar mudah alih. Buat hotspot dan kongsi sambungan anda. Sila "**Berkongsi sambungan data telefon anda**" untuk maklumat lanjut.

**Bluetooth ditambat** – Membolehkan anda menetapkan telefon anda sama ada anda berkongsi sambungan Internet atau tidak.

**Bantuan** – Ketik untuk melihat maklumat bantuan pada fungsi Wi-Fi hotspot, penambatan USB dan penambatan Bluetooth.

### < Lagi >

**Mod pesawat** – Selepas bertukar kepada Mod pesawat, semua sambungan wayarles akan dinyahdayakan.


**Rangkaian mudah alih** – Tetapkan pilihan untuk perayauan data, mod & operator rangkaian, nama pusat akses (APN), dsb.

**VPN** – Memaparkan senarai Rangkaian Peribadi Maya (VPN) yang telah anda konfigurasi sebelum ini. Membolehkan anda menambah jenis VPN yang berbeza.

## Bunyi & Maklumat

**Profil bunyi** – Pilih **Bunyi**, sama ada **Getar sahaja** atau **Senyap**.

**Volum** – Laraskan tetapan volum telefon untuk disesuaikan dengan keperluan dan persekitaran anda.

**Nada dering** – Tetapkan nada dering untuk panggilan. Anda juga boleh menambah nada dering dengan mengetik  di sudut atas sebelah kanan skrin.

**ID nada dering** – Membolehkan pengarangan nada dering secara automatik berdasarkan pada nombor telefon panggilan masuk.

**Kekuatan getaran** – Membolehkan anda menetapkan kekuatan getaran untuk panggilan, pemberitahuan dan Getar apabila diketik.

**Bunyi dengan getaran** – Tandakan semak untuk menetapkan telefon bergetar di samping nada dering apabila anda menerima panggilan.

**Jenis getaran** – Membenarkan anda menetapkan jenis getaran untuk panggilan masuk. Pilih daripada **Menerus**, **Pengulangan pendek**, **Tahan lama**, **Taraf** atau **Ticktock**.


**Do Not Disturb** – Tetapkan masa dan mod bila telefon anda tidak memberitahu anda tentang pemberitahuan masuk. Pilih daripada **Prioriti sahaja** atau **Senyap sepenuhnya**.

**Skrin kunci** – Tetapkan untuk menunjukkan atau menyembunyikan semua pemberitahuan pada skrin kunci.

**Apl** – Tetapkan pemberitahuan daripada Apl. Pilih daripada Tiada untuk menunjukkan tiada pemberitahuan daripada Apl dan Keutamaan untuk menunjukkan pemberitahuan dengan keutamaan di atas yang lain dan semasa Jangan ganggu ditetapkan untuk Keutamaan sahaja.

**Pemberitahuan LED** – Ketik suis untuk menogol Dihadupkan atau Dimatikan. Suis Hidup akan mengaktifkan lampu LED untuk pemberitahuan yang anda pilih, mengikut warna yang anda tetapkan bagi setiap satunya.

< **Lagi** >

**Bunyi Pemberitahuan** – Membolehkan anda menetapkan bunyi pemberitahuan. Anda juga boleh menambah bunyi pemberitahuan dengan mengetik  di penjuru kanan atas skrin.

## Tetapan

**Getar apabila diketik** – Tanda semak untuk bergetar apabila mengetik butang sentuh Utama dan semasa interaksi UI yang lain.

**Kesan bunyi** – Ketik untuk menetapkan nada sentuh pad dail, bunyi sentuh dan bunyi kunci skrin.

**Bunyi sentuhan pad dail** – Tanda semak untuk memainkan nada semasa menggunakan pad dail.

**Sentuh bunyi** – Tanda semak untuk memainkan bunyi apabila membuat pilihan skrin.

**Bunyi kunci skrin** – Tanda semak untuk memainkan bunyi apabila mengunci dan membuka kunci skrin.

**Pemberitahuan suara mesej/panggilan** – Ketik **Pemberitahuan suara mesej/panggilan** untuk menogol sama ada Hidup atau Mati. Jika anda menghidupkannya, peranti anda akan dimaklumkan panggilan dan mesej masuk secara automatik.

## Paparan

< RUMAH & KUNCI >

**Skrin utama**

**Pilih utama** – Tetapkan **Rumah** atau **EasyHome** sebagai skrin utama lalai.

**Smart Bulletin** – Ketik suis Buletin Pintar untuk menogol sama ada Hidup atau Mati. Ini termasuklah skrin Utama tambahan yang menunjukkan maklumat yang disesuaikan. Tanda Semak **Kalendar**, **LG Health**, **Smart Tips**, **Muzik** dan **QuickRemote**.

**Tema** – Tetapkan tema skrin untuk peranti anda. Anda boleh memuat turun daripada **LG SmartWorld**.

**Kertas dinding** – Tetapkan kertas dinding untuk digunakan pada skrin Utama anda. Pilih daripada **Galeri**, **Galeri kertas hias**, **Kertas hias dinding**, **Pelbagai Gambar** atau **Photos**.

**Efek skrin** – Menetapkan efek apabila anda meleret untuk menukar skrin. Pilih daripada **Pdm semua**, **Angin**, **Akordian**, **Panorama**, **Karusel**, **Lapisan** atau **Domino**.

**Benarkan menggelung skrin Utama** – Tanda semak untuk membenarkan skrin Utama berterusan menatal (gelung kembali ke skrin pertama selepas skrin terakhir).

**Bantuan** – Paparkan maklumat mengenai item Skrin utama dan fungsi.

### **Skrin kunci**

**Pilih skrin kunci** – Tetapkan jenis skrin kunci untuk menjamin keselamatan telefon anda. Membuka beberapa skrin yang membantu anda melalui lukisan corak buka kunci skrin. Tetapkan **Tiada, Seret, Knock Code, Corak, PIN** atau **Kata laluan**.

Jika anda telah mendayakan jenis kunci Corak semasa anda menghidupkan telefon anda atau membangunkan skrin, anda akan diminta untuk melukis corak buka kunci anda untuk membuka kunci skrin.

**Smart Lock** – Tetapkan bila untuk membuka kunci telefon secara automatik melalui Peranti yang dipercayai (Peranti BT atau NFC) atau Muka yang dipercayai. Fungsi ini tersedia apabila Skrin kunci ditetapkan kepada salah satu daripada **Knock Code, Corak, PIN** dan **Kata laluan**.

**NOTA:** Untuk mengaktifkan fungsi ini, Kunci Pintar mesti dihidupkan.

**Tetapan > Umum > Keselamatan > Trust agents > Smart Lock.**

**Efek skrin** – Tetapkan pilihan kesan leret skrin. Pilih daripada **Gegelung Hula, Mozek bulatan, Partikel cahaya, Bulatan vektor** atau **Soda**.

**NOTA:** Nama tetapan ini mungkin Kesan corak jika Kunci skrin ditetapkan kepada Corak.

**Kertas dinding** – Tetapkan kertas dinding Skrin kunci anda. Pilih dari **Galeri** atau **Galeri kertas hias dinding**.

**Jalan pintas** – Membolehkan anda untuk menukar pintasan pada **Seret** Skrin kunci.

**Animasi cuaca** – Tanda semak untuk menunjukkan animasi cuaca untuk lokasi semasa pada skrin kunci.

**Maklumat hubungan untuk telefon hilang** – Tanda semak untuk menetapkan nama pemilik peranti bagi dipaparkan pada Skrin kunci. Masukkan teks yang akan dipaparkan sebagai Maklumat pemilik.

## Tetapan

**Kunci pemasa** – Tetapkan jumlah masa sebelum skrin terkunci secara automatik selepas skrin tamat masa.

**Butang kuasa segera mengunci** – Tandakan semak untuk mengunci skrin dengan segera apabila Kekunci Kuasa/Kunci ditekan. Tetapan ini akan membatalkan tetapan Pemasa kunci keselamatan.

### **Bebutang sentuh Rumah**

**Kombinasi butang** – Seret ikon untuk menyusun semula Butang sentuh utama. Anda boleh mempunyai sehingga 5 butang sentuh Utama.

**Warna** – Tetapkan warna latar belakang bagi butang sentuh Utama. Pilih daripada Putih dan Hitam.

**Sembunyikan butang sentuh Rumah** – Tetapkan Kekunci Home Touch dipaparkan dibahagian bawah bagi semua skrin. Tetapkan apa yang dipaparkan, kedudukannya di bar dan bagaimana ia kelihatan. Pilih kekunci dan susunan, tema dan latar belakang.

### < HURUF >

**Jenis fon** – Tetapkan jenis fon yang digunakan untuk telefon dan menu.

**Saiz font** – Tetapkan saiz fon yang dipaparkan di telefon dan menu.

### < SETING ASAS >

**Kecerahan** – Laraskan kecerahan skrin. Untuk prestasi bateri yang terbaik, gunakan kecerahan termalap yang selesa.

**Skrin auto putar** – Tandakan semak untuk menetapkan telefon secara automatik memutar skrin berdasarkan orientasi telefon (potret atau landskap).

**Masa tamat skrin** – Tetapkan jumlah masa sebelum skrin tamat masa.

**Skrin Pintar** – Tanda semak untuk membenarkan skrin untuk kekal apabila telefon mengesan wajah anda.

### < Lagi >

**Mimpi Hari** – Ketik suis Mimpi Hari untuk menogol sama ada Dihidupkan atau Dimatikan. Dihidupkan, membolehkan set gambar skrin dipaparkan apabila telefon sedang tidur semasa dok dan/atau mengemas. Pilih daripada **Jam** dan **Google Photos**.

**Penentuan sensor gerakan** – Membolehkan anda memperbaiki ketepatan kecondongan dan kelajuan sensor.

## Umum

### < Bahasa & papan kekunci >

Gunakan tetapan Bahasa & papan kekunci untuk memilih bahasa bagi teks pada telefon anda dan untuk mengkonfigurasi papan kekunci atas skrin, termasuk perkataan yang telah anda tambahkan pada kamusnya.

**Bahasa** – Menetapkan bahasa untuk digunakan pada telefon anda.

**Papan kekunci semasa** – Menunjukkan papan kekunci semasa yang anda tetapkan untuk guna.

**Papan Kekunci LG** – Pilih **Papan Kekunci LG** untuk memasukkan data.

**Penaipan Google Voice** – Pilih **penaipan suara Google** bagi memasukkan data.

**Output teks-ke-ucapan** – Menetapkan enjin pertuturan dan ucapan pada kadar yang diutamakan (sangat lambat kepada sangat cepat). Turut memainkan demonstrasi ringkas sintesis pertuturan.

**Kelajuan penunjuk** – Menetapkan kelajuan penunjuk pada bar slaid.

**Butang undur** – Kembalikan butang tetikus untuk menggunakan butang utama di sebelah kanan.

### < Lokasi >

Hidupkan perkhidmatan lokasi, telefon anda menentukan lokasi anggaran anda menggunakan rangkaian GPS, Wi-Fi dan mudah alih.

**Mod** – Tetapkan mod lokasi.

**Ketepatan tinggi (GPS dan rangkaian)** – Gunakan GPS, Wi-Fi dan rangkaian mudah alih untuk menganggarkan lokasi.

**Menganggarkan bateri (Rangkaian sahaja)** – Gunakan Wi-Fi dan rangkaian mudah alih untuk menganggarkan lokasi anda.


## Tetapan

**Pengesan peranti sahaja (GPS sahaja)** – Gunakan GPS untuk menentukan lokasi anda.

**PERMINTAAN LOKASI BARU-BARU INI** – Memaparkan aplikasi yang telah meminta maklumat lokasi baru-baru ini.

### PERKHIDMATAN LOKASI

**Kamera** – Tanda semak untuk tag foto atau video dengan lokasi mereka.

**Sejarah Lokasi Google** – Pilih sama ada untuk menghidupkan atau mematikan pilihan Pelaporan Lokasi Google. Untuk maklumat lanjut, ketik  > **Bantuan**.

### < Akaun & selari >

Membolehkan aplikasi menyegerakkan data di latar belakang, tanpa mengira sama ada anda sedang mengerjakannya secara aktif atau tidak. Menyahtanda tetapan ini boleh menjimatkan kuasa bateri dan merendahkan (tetapi tidak menghapuskan) penggunaan data.

### < Awan >

Tambah akaun cloud dengan cepat dan mudah menggunakan perkhidmatan cloud pada aplikasi LG.

### < Pengguna >

Tanda semak untuk menambah pengguna semasa telefon dikunci.

**NOTA:** Tambah pengguna untuk berkongsi telefon dengan orang lain. Setiap pengguna boleh mempunyai aplikasi dan kandungan mereka sendiri dalam ruang mereka sendiri. Sesiapa sahaja yang menggunakan telefon boleh menukar tetapan seperti Wi-Fi dan menerima kemas kini aplikasi yang akan memberi kesan kepada semua orang. Persediaan awal diperlukan untuk pengguna baru menggunakan telefon.

### < Kebolehcapaian >

Anda boleh menggunakan tetapan **Kebolehcapaian** untuk mengkonfigurasi sebarang pasang masuk kebolehcapaian yang telah anda pasang pada telefon anda.

## Wawasan

**TalkBack** – Membolehkan anda menyediakan fungsi TalkBack yang membantu mereka yang cacat penglihatan dengan memberi maklum balas lisan.

**Pemberitahuan mesej/panggilan** – Ketik  untuk menogol sama ada Hidup atau Mati. Jika dihidupkan, membolehkan anda mendengar isyarat automatik untuk panggilan masuk dan mesej.

**Gelap skrin** – Membolehkan menetapkan skrin kepada kontras yang lebih gelap.

**Saiz font** – Tetapkan saiz fon.

**Sentuh zum** – Membolehkan anda mengezum masuk dan keluar dengan mengetik skrin tiga kali.

**Songsangan warna skrin** – Membolehkan menyongsangkan warna skrin dan kandungan.

**Pelarasan warna skrin** – Membolehkan anda menyongsangkan warna skrin dan kandungan.

**Penapis warna skrin** – Membolehkan anda menukar warna skrin dan kandungan.

**Kekunci kuasa tamatkan panggilan** – Membolehkan anda menamatkan panggilan suara dengan menekan Kekunci Kuasa/Kunci.

## Mendengar

**Kapsyen** – Membolehkan anda menyesuaikan tetapan kapsyen untuk mereka yang cacat pendengaran.

**Pemberitahuan LED** – Membolehkan anda mengaktifkan lampu LED untuk panggilan masuk dan pemberitahuan.

**Isyarat denyar** – Membolehkan menetapkan denyar berkelip untuk panggilan masuk dan pemberitahuan.

**Matikan semua bunyi** – Membolehkan mematikan semua bunyi peranti.

**Jenis audio** – Menetapkan jenis audio.

**Keseimbangan bunyi** – Menetapkan laluan audio. Gerakkan peluncur pada bar luncur untuk menetapkannya.

# Tetapan

## Motor & kognitif

**Masa maklum balas sentuh** – Menetapkan masa maklum balas sentuh.

**Touch assistant** – Tunjukkan papan sentuh dengan akses mudah untuk tindakan biasa.

**Masa tamat skrin** – Menetapkan jumlah masa sebelum lampu latar skrin dimatikan secara automatik.

**Kawasan kawalan sentuh** – Membolehkan anda memilih kawasan skrin untuk menghadkan pengaktifan sentuhan kepada hanya kawasan skrin tersebut sahaja.

**Pintasan ciri kebolehcapaian** – Membolehkan anda mengakses ciri yang dipilih dengan cepat apabila mengetik butang Utama tiga kali.

**Skrin auto putar** – Membolehkan telefon memutar skrin bergantung pada orientasi telefon fizikal (potret atau landskap).

**Tukar Akses** – Membolehkan anda berinteraksi dengan peranti anda menggunakan satu atau lebih suis yang berfungsi seperti kekunci papan kekunci. Menu ini adalah berguna untuk pengguna dengan had mobiliti yang mengelakkan mereka daripada berinteraksi secara terus dengan peranti anda.

## < Kekunci pintasan >

Dapatkan akses pantas kepada aplikasi dengan menekan dan menahan kekunci Volum apabila skrin dimatikan atau berkunci. Ketik suis Kekunci pintasan  di sudut kanan atas skrin untuk menogol sama ada **Hidup** atau **Mati**.

## < Google >

Membenarkan anda menguruskan tetapan untuk aplikasi dan perkhidmatan Google.

## < Keselamatan >

**Kunci kandungan** – Kunci fail untuk Galeri dan memo untuk Tangkap+.

**Enkripsikan telefon** – Membolehkan anda menyulitkan data pada telefon untuk keselamatan. Anda akan diminta memasukkan PIN atau kata laluan untuk menyahsulit telefon anda setiap kali anda menghidupkannya.

**Sulitkan penyimpanan kad SD** – Membolehkan anda menyulitkan penyimpanan kad SD dan memastikan data tersedia untuk peranti lain.

**Menaip kata laluan boleh dilihat** – Tunjukkan aksara akhir bagi kata laluan yang disembunyikan semasa anda menaip.

**Pentadbir peranti** – Lihat atau nyahaktifkan pentadbir peranti.

**Sumber tidak diketahui** – Tetapan lalai untuk memasang aplikasi bukan Play Store.

**Mengesahkan aplikasi** – Tidak membenarkan atau memberi amaran sebelum pemasangan aplikasi yang boleh menyebabkan kemudaratan.

**Jenis storan** – Memaparkan jenis simpanan semasa.

### **Pengurusan Sijil**

**Pentauliahan Dipercayai** – Paparkan sijil-sijil CA yang dipercayai.

**Pasang dari simpanan** – Pilih untuk memasang sijil yang disulitkan.

**Kosongkan butiran** – Keluarkan semua sijil.

**Trust agents** – Pilih aplikasi untuk digunakan tanpa membuka skrin.

**Pin skrin** – Membolehkan hanya satu aplikasi sahaja digunakan apabila anda mengepin skrin App.

**Aplikasi dengan capaian penggunaan** – Membolehkan anda melihat maklumat penggunaan aplikasi pada telefon anda.

### **< Bekas QuickCircle >**

Aktifkan agar ciri, seperti Log panggilan, Kamera, LG Health, Pemesejan, Muzik tersedia dalam paparan kecil apabila menggunakan bekas QuickCircle.

### **< Dwi Tetingkap >**

Dua skrin bahagi boleh dilihat pada masa yang sama.

1. Sentuh dan tahan butang Kembali untuk membahagikan skrin.
2. Ketik atau seret ikon aplikasi yang anda ingin gunakan.

 – Menukar dua skrin.

 – Melihat senarai aplikasi.

 – Membuka skrin penuh.

# Tetapan

⊗ – Menutup aplikasi yang paling baru digunakan.

**Paparan terpisah** – Tanda semak untuk mengetik pautan pada skrin penuh atau lampiran daripada e-mel untuk menjalankan Dwi tettingkap secara automatik.

**Bantuan** – Paparkan petua untuk menggunakan Dwi tettingkap.

## < Tarikh & Masa >

Gunakan tetapan **Tarikh & Masa** untuk menetapkan cara tarikh akan dipaparkan. Anda juga boleh menggunakan tetapan ini untuk menetapkan masa dan zon masa anda sendiri dan bukan mendapatkan masa semasa daripada rangkaian mudah alih.

## < Storan & USB >

**STORAN DALAMAN** – Lihat penggunaan simpanan dalaman.

**KAD SD** – Semak jumlah ruang kad SD yang tersedia. Sentuh Nyahlekap kad SD untuk menanggalkannya dengan selamat.

## < Penjimatan bateri & kuasa >

### MAKLUMAT BATERI

Maklumat Cas bateri pada grafik bateri berserta dengan peratus baki cas dan statusnya.

Sentuh ikon Cas bateri untuk memaparkan skrin Penggunaan bateri untuk melihat tahap penggunaan bateri dan butiran penggunaan bateri. Ciri ini memaparkan komponen dan aplikasi yang paling banyak menggunakan kuasa bateri. Ketik salah satu entri untuk melihat maklumat yang lebih terperinci.

**Penggunaan bateri** – Ia memaparkan graf bateri yang menunjukkan tahap bateri berdasarkan pada corak penggunaan 3 jam yang terkini. Ia juga memaparkan komponen dan aplikasi yang paling banyak menggunakan kuasa bateri.

**Peratusan bateri pada bar status** – Tandakan semak untuk memaparkan peratusan tahap bateri pada Bar Status di sebelah ikon bateri.

### JIMAT KUASA

Ketik suis Penjimat bateri untuk menogol sama ada Dihidupkan atau Dimatikan. Ketik Penjimat bateri untuk mengakses tetapan berikut:


**Jimat Kuasa** – Tetapkan tahap peratus cas bateri yang akan menghidupkan Penjimatan bateri secara automatik. Pilih daripada Serta-merta, 5% bateri dan 15% bateri.

**Pengoptimum permainan** – Melaraskan kualiti video dalam permainan untuk menjimatkan bateri.

### < **Memori** >

Memaparkan purata penggunaan memori.

### < **Smart cleaning** >

Paparkan ruang yang digunakan dan kosong dalam telefon anda. Ketik  di sudut sebelah kanan atas skrin untuk menetapkan selang masa pemberitahuan dan tempoh masa melahu.

### < **Apl** >

Lihat dan uruskan aplikasi anda.

### < **Aplikasi mesej lalai** >

Tetapkan **Mesej** atau **Hangouts** sebagai aplikasi lalai.

### < **Sokongan & set semula** >

Tukar tetapan untuk menguruskan tetapan dan data anda.

**Sandarkan data saya** – Tetapkan untuk menyandarkan tetapan anda dan data aplikasi pada pelayan Google.

**Akaun sandaran** – Tetapkan untuk menyandarkan akaun anda.

**Simpan semula automatik** – Tetapkan untuk memulihkan tetapan dan data aplikasi anda apabila aplikasi dipasang semula pada peranti anda.

**Set semula seting rangkaian** – Ini akan menetapkan semula semua tetapan rangkaian termasuk Wi-Fi dan Bluetooth.

**Menetapkan semula data kilang** – Tetapkan semula tetapan anda kepada nilai lalai kilang dan padamkan semua data anda. Jika anda menetapkan semula telefon dengan cara ini, anda akan digesa untuk memasukkan semula maklumat yang sama sebagaimana ketika anda memulakan Android buat kali pertama.

## Tetapan

### < Mengenai telefon >

Lihat maklumat perundangan, dan periksa status telefon dan versi perisian anda.

## Perisian PC (LG PC Suite)

Perisian PC "LG PC Suite" adalah program yang membantu anda menyambung peranti anda ke PC melalui kabel USB dan Wi-Fi. Setelah tersambung, anda boleh menggunakan fungsi peranti anda dari PC anda.

### Dengan PC Perisian "LG PC Suite" anda, Anda Boleh...

- Uruskan dan mainkan kandungan media anda (muzik, filem, gambar) pada PC anda.
- Hantar kandungan multimedia ke peranti anda.
- Menyegerakkan data (jadual, kenalan, penanda buku) dalam peranti dan PC anda.
- Sandarkan aplikasi dalam peranti anda.
- Kemas kini perisian dalam peranti anda.
- Mainkan kandungan multimedia PC anda daripada peranti anda.
- Sandarkan dan cipta serta edit memo dalam peranti anda

**NOTA:** Anda boleh menggunakan menu Bantuan daripada aplikasi untuk mengetahui cara menggunakan perisian PC "LG PC Suite" anda.

### Memasang PC perisian "LG PC Suite"

PC perisian "LG PC Suite" boleh dimuat turun dari laman web LG.

- 1 Pergi ke [www.lg.com](http://www.lg.com) dan pilih negara pilihan anda.
- 2 Pergi ke **Sokongan > SOKONGAN MUDAH ALIH > Telefon Mudah Alih LG > Pilih Model**  
atau  
Pergi ke **Sokongan > Telefon Mudah Alih > Pilih Model**.
- 3 Klik **PYGRKN PC** daripada **MANUAL & MUAT TURUN** dan klik **MUAT TURUN** untuk memuat turun perisian PC "LG PC Suite".

## Perisian PC (LG PC Suite)

### Keperluan Sistem untuk perisian PC "LG PC Suite"

- OS: Windows XP (Service pack 3) 32bit, Windows Vista, Windows 7, Windows 8
- CPU: Pemproses 1GHz atau lebih tinggi
- Memori: RAM 512MB atau lebih tinggi
- Kad grafik: Resolusi 1024 x 768, warna 32 bit atau lebih tinggi
- HDD: 500 MB atau lebih ruang cakera keras bebas (Lebih banyak ruang bebas cakera keras mungkin diperlukan bergantung pada jumlah data yang disimpan.)
- Perisian diperlukan: pemacu integrasi LG, Windows Media Player 10 atau lebih baru

### NOTA: Pemacu USB Bersepadu LG

Pemacu USB bersepadu LG diperlukan untuk menyambungkan peranti LG dan PC serta dipasang secara automatik apabila anda memasang aplikasi perisian PC "LG PC Suite".

### Menyegerakkan Peranti anda kepada PC

Data daripada peranti dan PC anda boleh disegerakkan dengan mudah dengan adanya perisian PC "LG PC Suite" untuk kemudahan anda. Kenalan, jadual dan penanda buku boleh disegerakkan.

Prosedurnya adalah seperti berikut:

- 1 Sambungkan peranti anda ke PC. (Gunakan kabel USB atau sambungan Wi-Fi.)
- 2 Luncur bar status ke bawah > Pilih **Peranti media (MTP)**.
- 3 Selepas sambungan, jalankan program dan pilih seksyen peranti daripada kategori di sebelah kiri skrin.
- 4 Klik **Maklumat peribadi** untuk memilih.
- 5 Tandakan kotak semak kandungan untuk menyegerak dan klik butang **Penyegerakan**.

**NOTA:** Untuk menyegerakkan telefon dengan PC anda, anda perlu memasang LG PC Suite pada PC anda. Sila rujuk halaman sebelumnya untuk memasang LG PC Suite.

## Memindahkan kenalan dari Peranti Lama anda ke Peranti Baru anda.

- 1 Eksport kenalan anda sebagai fail CSV dari peranti lama anda ke PC anda menggunakan program penyegerakan PC.
- 2 Pasang "LG PC Suite" pada PC dahulu. Jalankan program ini dan sambungkan telefon mudah alih Android anda kepada PC menggunakan kabel USB.
- 3 Pada menu atas, pilih **Telefon > Import/Eksport kenalan > Eksport** ke telefon anda.
- 4 Tetingkap pop timbul untuk memilih jenis fail dan fail yang hendak dieksport akan muncul.
- 5 Pada pop timbul, klik **Pilih fail** dan Windows Explorer akan muncul.
- 6 Pilih fail kenalan untuk dieksport dalam Windows Explorer dan klik Buka.
- 7 Klik **Eksport**.
- 8 Pop timbul **Pemetaan medan** untuk mengaitkan kenalan dalam peranti anda dan data kenalan baru akan muncul.
- 9 Jika terdapat konflik antara data dalam kenalan PC anda dan kenalan peranti, buat pilihan atau perubahan dalam LG PC Suite.
- 10 Klik **OK**.

# Kemas kinian perisian telefon

## Kemas kinian perisian telefon

### Kemas kinian perisian telefon mudah alih LG daripada internet

Untuk maklumat lanjut tentang cara menggunakan fungsi ini, sila lawati <http://www.lg.com/common/index.jsp> → pilih negara dan bahasa anda.

Ciri ini membolehkan anda mengemas kini perisian tegar telefon anda kepada versi terkini daripada Internet dengan mudah tanpa melawati pusat servis. Ciri ini tersedia hanya jika dan apabila LG membuat versi lebih baru peralatan tegar yang tersedia bagi peranti anda.

Oleh kerana pengemaskinian peralatan tegar telefon mudah alih memerlukan perhatian penuh pengguna sepanjang tempoh proses kemas kini, sila pastikan anda memeriksa semua arahan dan nota yang muncul pada setiap langkah sebelum meneruskannya. Sila ambil perhatian bahawa menanggalkan kabel data USB semasa naik taraf boleh menyebabkan kerosakan teruk kepada telefon mudah alih anda.

**NOTA:** LG berhak membuatkan kemas kinian peralatan tegar hanya tersedia bagi model terpilih mengikut budi bicaranya sendiri dan ini tidak menjamin ketersediaan versi lebih baru peralatan tegar bagi semua model telefon bimbit.

### Kemas kinian Perisian Telefon Mudah Alih LG melalui teknologi Over-the-Air (OTA)

Ciri ini membolehkan anda mengemas kini perisian telefon anda kepada versi lebih baru dengan mudah melalui OTA, tanpa menyambung menggunakan kabel data USB. Ciri ini tersedia hanya jika dan apabila LG membuat versi lebih baru peralatan tegar yang tersedia bagi peranti anda.

Anda hendaklah terlebih dahulu menyemak versi perisian pada telefon mudah alih anda: **Tetapan** > tab **Umum** > **Mengenai telefon** > **Pusat kemaskini** > **Kemaskini perisian** > **Semak sekarang untuk kemas kinian**.

**NOTA:** Data peribadi anda daripada simpanan dalaman telefon—termasuk maklumat mengenai Akaun Google anda dan mana-mana akaun lain, data dan tetapan sistem/aplikasi anda, sebarang aplikasi yang dimuat turun dan lesen DRM anda—mungkin akan hilang ketika mengemas kini perisian telefon anda. Dengan itu, LG mengesyorkan agar anda membuat sandaran data peribadi anda sebelum mengemas kini perisian telefon anda. LG tidak bertanggungjawab atas sebarang kehilangan data peribadi.

**NOTA:** Ciri ini bergantung kepada pembekal khidmat rangkaian, wilayah dan negara anda.

# Tentang panduan pengguna ini

## Tentang panduan pengguna ini

- Sebelum menggunakan peranti anda, sila baca manual ini dengan teliti. Ini akan memastikan bahawa anda menggunakan telefon anda dengan selamat dan dengan betul.
- Sesetengah imej dan tangkap layar yang disediakan dalam panduan ini mungkin nampak berbeza pada telefon anda.
- Kandungan anda mungkin berbeza daripada produk akhir, atau daripada perisian yang dibekalkan oleh pembekal perkhidmatan atau pembawa. Kandungan ini mungkin tertakluk kepada perubahan tanpa notis lebih awal. Bagi versi terkini manual ini, sila lawati laman web LG di [www.lg.com](http://www.lg.com).
- Aplikasi telefon anda dan fungsinya mungkin berbeza mengikut negara, wilayah, atau spesifikasi perkakasan. LG tidak boleh dipertanggungjawabkan terhadap sebarang masalah prestasi yang timbul akibat penggunaan aplikasi yang dibangunkan oleh pembekal selain daripada LG.
- LG tidak boleh dipertanggungjawabkan terhadap masalah prestasi atau ketidakserasian yang timbul akibat tetapan daftaran yang diedit atau perisian sistem pengendalian yang diubah suai. Sebarang cubaan untuk menyesuaikan sistem pengendalian anda boleh menyebabkan peranti atau aplikasinya tidak berfungsi sebagaimana sepatutnya.
- Perisian, audio, kertas dinding, imej dan media lain yang dibekalkan bersama peranti anda telah dilesenkan untuk penggunaan terhad. Jika anda memetik dan menggunakan bahan-bahan ini untuk tujuan perdagangan atau tujuan lain, anda mungkin melanggar undang-undang hak cipta. Sebagai pengguna, anda bertanggungjawab sepenuhnya terhadap penggunaan media yang tidak sah di sisi undang-undang.
- Bayaran tambahan mungkin dikenakan untuk perkhidmatan data, seperti pemesejan, memuat naik dan memuat turun, penyegerakan auto, atau menggunakan perkhidmatan lokasi. Untuk mengelakkan caj tambahan, pilih pelan data yang sesuai dengan keperluan anda. Hubungi pembawa perkhidmatan anda untuk mendapatkan butiran tambahan.

## Tanda dagangan

- LG dan logo LG adalah tanda dagangan berdaftar LG Electronics.
- Bluetooth® adalah tanda dagangan berdaftar Bluetooth SIG, Inc. sedunia.
- Wi-Fi® dan logo Wi-Fi adalah tanda dagangan berdaftar Wi-Fi Alliance.
- Semua tanda dagangan dan hak cipta lain adalah harta pemilikinya masing-masing.

## DivX HD

Peranti DivX Certified® ini telah lulus ujian rapi untuk memastikan ia memainkan video DivX®.

Untuk memainkan wayang DivX yang dibeli, daftar peranti anda di [vod.divx.com](http://vod.divx.com) terlebih dahulu. Cari kod pendaftaran anda dalam bahagian DivX VOD menu persediaan peranti anda.

**DivX Certified® untuk memainkan video DivX® sehingga HD 720P, termasuk kandungan premium.**

DivX®, DivX Certified® dan logo yang berkaitan adalah tanda dagangan DivX, LLC dan digunakan di bawah lesen.

## Dolby Digital Plus DOLBY DIGITAL PLUS

Dikeluarkan dengan kebenaran Dolby Laboratories. Dolby, Dolby Digital Plus dan simbol D berganda adalah tanda dagangan Dolby Laboratories.

## Tentang panduan pengguna ini

### **Maklumat Notis Perisian Sumber Terbuka**

Untuk mendapatkan kod sumber di bawah GPL, LGPL, MPL dan lesen sumber terbuka lain yang terkandung dalam produk ini, sila lawati <http://opensource.lge.com>.


Selain kod sumber, semua terma lesen yang dirujuk, penafian waranti dan notis hak cipta tersedia untuk dimuat turun.

LG Electronics juga akan memberikan kod sumber terbuka kepada anda dalam CD-ROM dengan bayaran yang termasuk membiayai kos pengedaran (seperti kos media, pengiriman dan pengendalian) apabila menerima permintaan e-mel yang dikirimkan kepada [opensource@lge.com](mailto:opensource@lge.com). Tawaran ini sah selama tiga (3) tahun dari tarikh anda membeli produk tersebut.

# Aksesori

Aksesori ini tersedia untuk digunakan dengan telepon anda. (Item diterangkan di bawah mungkin pilihan.)

Penyesuai  
kembara



Alat dengar  
Stereo




Panduan Mula  
Pantas



Kabel data



Bateri



## NOTA:

- Selalu gunakan aksesori LG yang tulen.
- Kegagalan melakukan ini mungkin akan mentaksahkan waranti anda.
- Aksesori mungkin berbeza di kawasan berlainan.

## Pencarisilapan

Bab ini menyenaraikan beberapa masalah yang mungkin anda hadapi semasa menggunakan telefon anda. Sesetengah masalah menghendaki anda memanggil pembekal khidmat anda, tetapi kebanyakannya boleh anda betulkan sendiri dengan mudah.

Mesej	Sebab yang mungkin	Langkah pembetulan yang mungkin
Ralat kad Micro-SIM	Tiada kad Micro-SIM di dalam telefon atau ia tidak dimasukkan dengan betul.	Pastikan bahawa kad Micro-SIM dimasukkan dengan betul.
Tiada sambungan rangkaian/ Kehilangan rangkaian	Isyarat adalah lemah atau anda di luar rangkaian pembawa.	Pergi ke arah tingkap atau ke kawasan terbuka. Periksa peta liputan operator rangkaian.
	Perkhidmatan baru yang disediakan oleh operator.	Periksa sama anda usia kad Micro-SIM lebih daripada 6~12 bulan. Jika begitu, tukar kad Micro-SIM anda di cawangan pembekal rangkaian yang terdekat. Hubungi pembekal khidmat anda.

Mesej	Sebab yang mungkin	Langkah pembetulan yang mungkin
Kod tidak sepadan	Untuk menukar kod keselamatan, anda perlu mengesahkan kod baru dengan memasukkannya sekali lagi.	Jika anda kehilangan kod tersebut, hubungi juga operator rangkaian anda.
	Dua kod yang anda masukkan tidak sepadan.	
Aplikasi tidak boleh ditetapkan	Tidak disokong oleh pembekal khidmat atau pendaftaran diperlukan.	Hubungi pembekal khidmat anda.
Panggilan tidak tersedia	Ralat mendail	Rangkaian baru tidak diluluskan.
	Kad Micro-SIM baru dimasukkan.	Semak kalau-kalau terdapat sekatan baru.
	Had caj prabayar telah dicapai.	Hubungi pembekal khidmat atau tetapkan semula had dengan PIN2.

## Pencarisilapan

Mesej	Sebab yang mungkin	Langkah pembetulan yang mungkin
Telefon tidak dapat dihidupkan	Kekunci Hidup/ Mati ditekan tidak cukup lama.	Tekan kekunci Hidup/Mati sekurang-kurangnya dua saat.
	Bateri tidak dicas.	Caskan bateri. Periksa penunjuk mengelas yang dipaparkan.
Ralat pengecasan	Bateri tidak dicas.	Caskan bateri.
	Suhu luar terlalu panas atau terlalu sejuk.	Pastikan telefon mengelas pada suhu biasa.
	Masalah sesentuh	Periksa pengecas dan sambungannya kepada telefon.
	Tiada voltan	Pasang pengecas ke dalam soket lain.
	Pengecas rosak sedikit	Gantikan pengecas dengan yang baru.
	Pengecas yang salah	Hanya gunakan aksesori LG yang tulen.
Nombor tidak dibenarkan	Fungsi Nombor dailan tetap dihidupkan.	Periksa menu Tetap dan matikan fungsi.



Mesej	Sebab yang mungkin	Langkah pembetulan yang mungkin
Tidak dapat menerima / menghantar SMS & foto	Memori penuh	Padamkan sesetengah mesej daripada telefon anda.
Fail tidak terbuka	Format fail tidak disokong	Semak format fail yang disokong.
Skrin tidak hidup semasa saya menerima panggilan.	Masalah sensor dekat	Jika anda menggunakan pita atau bekas pelindung, pastikan ia tidak menutup kawasan di sekeliling sensor dekat. Pastikan bahawa kawasan di sekeliling sensor dekat adalah bersih.
Tiada bunyi	Mod getaran	Semak status tetapan dalam menu bunyi untuk memastikan telefon anda bukan dalam mod getaran atau senyap.
Panggilan tamat atau menjadi kaku	Masalah perisian yang sekejap-sekejap	Cuba lakukan kemas kini perisian melalui laman web.

# Soalan Lazim

Kategori Sub-Kategori	Soalan	Jawapan
BT Bluetooth Peranti	Apakah fungsi yang tersedia melalui Bluetooth	Anda boleh menyambungkan peranti audio Bluetooth seperti set kepala Stereo/Mono atau Kit Kereta. Juga, semasa pelayan FTP bersambung dengan peranti yang serasi, anda boleh berkongsi kandungan yang disimpan pada media storan.
BT Bluetooth Set Kepala	Jika set kepala Bluetooth saya disambungkan, bolehkah saya mendengar muzik saya melalui fon kepala berwayar 3.5 mm?	Apabila alat dengar Bluetooth disambungkan, semua bunyi sistem dimainkan melalui alat dengar. Hasilnya, anda tidak akan dapat mendengar muzik menerusi fon kepala berwayar anda.
Data Kenalan Sandaran	Bagaimanakah saya dapat membuat simpanan Kenalan?	Data Kenalan dapat disegerakkan antara telefon anda dan Gmail™.
Data Penyegerakan	Bolehkah kita menyediakan penyegerakan satu hala dengan Gmail?	Hanya penyegerakan dua hala tersedia.
Data Penyegerakan	Bolehkah semua folder e-mel disegerakkan?	Peti Masuk disegerakkan secara automatik. Anda boleh melihat folder lain dengan mengetik <b>Kekunci Menu</b> dan memilih <b>Folders</b> untuk memilih folder.

Kategori Sub-Kategori	Soalan	Jawapan
<b>Perkhidmatan Google™</b> Log masuk Gmail	Perlukah saya log masuk ke Gmail apabila saya ingin mengakses Gmail?	Setelah anda log masuk ke Gmail, anda tidak perlu log masuk ke Gmail sekali lagi.
<b>Perkhidmatan Google™</b> Akaun Google	Bolehkah E-mel ditapis?	Tidak, penapisan E-mel tidak disokong melalui telefon.
<b>Fungsi Telefon</b> E-mel	Apakah yang berlaku apabila saya melaksanakan aplikasi lain sambil menulis E-mel?	E-mel anda akan disimpan sebagai draf secara automatik.
<b>Fungsi Telefon</b> Nada dering	Adakah terdapat had saiz fail jika saya hendak menggunakan fail MP3 sebagai nada dering?	Tiada had saiz fail.
<b>Fungsi Telefon</b> Masa Mesej	Telefon saya tidak memaparkan masa penerimaan bagi mesej yang lebih lama daripada 24 jam. Bagaimana cara hendak menukarnya?	Anda hanya akan dapat melihat masa bagi mesej yang diterima pada hari yang sama.
<b>Fungsi Telefon</b> Navigasi	Bolehkah saya memasang aplikasi navigasi lain pada telefon saya?	Mana-mana aplikasi yang tersedia di Play Store™ dan yang serasi dengan perkakasan boleh dipasang dan digunakan.

# Soalan Lazim

Kategori Sub-Kategori	Soalan	Jawapan
<b>Fungsi Telefon</b> Penyegerakan	Bolehkah saya menyegerakkan kenalan saya daripada semua akaun E-mel saya?	Hanya kenalan Gmail dan pelayan MS Exchange (pelayan e-mel syarikat) yang dapat disegerakan.
<b>Fungsi Telefon</b> Tunggu dan Jeda	Bolehkah saya menyimpan kenalan dengan Tunggu dan Jeda dalam nombornya?	<p>Jika anda memindahkan kenalan dengan fungsi W &amp; P (Tunggu &amp; Jeda) disimpan ke dalam nombornya, anda tidak akan dapat menggunakan ciri-ciri tersebut. Anda perlu menyimpan semula setiap nombor.</p> <p>Cara untuk menyimpan dengan Tunggu dan Jeda:</p> <ol style="list-style-type: none"><li>1. Pada skrin Utama, ketik ikon <b>Telefon</b> .</li><li>2. Dail nombor, kemudian ketik <b>Kekunci Menu</b> .</li><li>3. Ketik <b>Tambah 2 saat jeda</b> atau <b>Penambahan menunggu</b>.</li></ol>
<b>Fungsi Telefon</b> Keselamatan	Apakah fungsi keselamatan yang terdapat pada telefon ini?	Anda boleh menetapkan telefon agar meminta Corak Buka Kunci dimasukkan sebelum telefon boleh diakses atau digunakan.

Kategori Sub-Kategori	Soalan	Jawapan
<p><b>Fungsi Telefon</b> Buka kunci Corak</p>	<p>Bagaimanakah saya membuat Corak Buka Kunci?</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Daripada skrin Utama, ketik dan tahan <b>Kekunci Terbaru</b> <input type="checkbox"/>.</li> <li>2. Ketik <b>Tetapan sistem.</b> &gt; tab <b>Paparan &gt; Skrin kunci.</b></li> <li>3. Ketik <b>Pilih skrin kunci &gt; Corak.</b> Pada kali pertama anda melakukan ini, tutorial ringkas tentang membuat Corak Buka Kunci akan muncul.</li> <li>4. Sediakan dengan melukis corak anda sekali, dan sekali lagi untuk pengesahan.</li> </ol> <p>Langkah berjaga-jaga perlu diambil semasa menggunakan kunci corak. Mengingati corak buka kunci yang anda tetapkan amatlah penting. Anda tidak akan dapat mengakses telefon anda jika anda menggunakan corak yang salah sebanyak lima kali. Anda mempunyai lima peluang untuk memasukkan corak nyahkunci, PIN atau kata laluan anda. Jika anda telah menggunakan kesemua 5 peluang, anda boleh mencuba lagi selepas 30 saat. (Atau, jika anda pratetap PIN sandaran, anda boleh menggunakan kod PIN sandaran untuk menyahkunci corak.)</p>

# Soalan Lazim

Kategori Sub-Kategori	Soalan	Jawapan
<b>Fungsi Telefon</b> Buka kunci Corak	Apakah yang patut saya lakukan jika saya terlupa corak nyahkunci dan saya tidak membuat akaun Google saya pada telefon?	Jika anda terlupa corak anda: Jika anda log masuk ke dalam akaun Google anda pada telefon tetapi gagal memasukkan corak yang betul sebanyak 5 kali, ketik butang terlupa corak. Kemudian, anda akan dikehendaki mendaftar masuk dengan akaun Google anda untuk menyahkunci telefon anda.
<b>Fungsi Telefon</b> Memori	Adakah saya akan dapat tahu apabila memori penuh?	Ya, anda akan menerima pemberitahuan.
<b>Fungsi Telefon</b> Sokongan Bahasa	Bolehkah saya menukar bahasa telefon saya?	Telefon ini mempunyai keupayaan berbilang bahasa. Untuk menukar bahasa: 1. Daripada skrin Utama, ketik dan tahan <b>Kekunci Terbaru</b> <input type="checkbox"/> dan ketik <b>Tetapan sistem..</b> 2. Ketik tab <b>Umum &gt; Bahasa &amp; papan kekunci &gt; Bahasa.</b> 3. Ketik bahasa yang dikehendaki.
<b>Fungsi Telefon</b> VPN	Bagaimanakah saya menyediakan VPN?	Konfigurasi akses VPN berbeza bagi setiap syarikat. Untuk mengkonfigurasi akses VPN daripada telefon anda, anda hendaklah memperoleh butiran daripada pentadbir rangkaian syarikat anda.

Kategori Sub-Kategori	Soalan	Jawapan
<p><b>Fungsi Telefon</b> Tamat masa skrin</p>	<p>Skrin saya mati selepas 15 saat sahaja. Bagaimanakah saya menukar jumlah masa untuk cahaya latar terpadam?</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Daripada skrin Utama, ketik dan tahan <b>Kekunci Terbaru</b> <input type="checkbox"/>.</li> <li>2. Ketik <b>Tetapan sistem.</b> &gt; tab <b>Paparan.</b></li> <li>3. Ketik <b>Masa tamat skrin.</b></li> <li>4. Ketik masa bagi tamat masa lampu latar skrin pilihan.</li> </ol>
<p><b>Fungsi Telefon</b> Rangkaian mudah alih &amp; Wi-Fi</p>	<p>Apabila rangkaian Wi-Fi dan mudah alih sama-sama tersedia, perkhidmatan manakah yang akan digunakan oleh telefon saya?</p>	<p>Apabila menggunakan data, telefon anda mungkin akan kembali kepada sambungan Wi-Fi (jika sambungan Wi-Fi pada telefon anda ditetapkan kepada Hidup). Walau bagaimanapun, tiada pemberitahuan dipaparkan apabila telefon anda beralih antara keduanya.</p> <p>Untuk ketahui sambungan data Wi-Fi sedang digunakan, lihat ikon Wi-Fi sahaja di bahagian atas skrin anda tanpa rangkaian mudah alih.</p>
<p><b>Fungsi Telefon</b> Skrin utama</p>	<p>Bolehkah aplikasi dibuang dari Skrin utama?</p>	<p>Ya. Hanya sentuh dan tahan ikon sehingga ikon tong sampah muncul di bahagian atas dan tengah skrin. Kemudian, tanpa mengangkat jari anda, seret ikon ke ikon tong sampah.</p>

## Soalan Lazim

Kategori Sub-Kategori	Soalan	Jawapan
<b>Fungsi Telefon</b> Aplikasi	Saya memuat turun aplikasi dan ia menyebabkan banyak ralat. Bagaimanakah saya membuangnya?	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Daripada skrin Utama, ketik dan tahan <b>Kekunci Terbaru</b> <input type="checkbox"/>.</li><li>2. Ketik <b>Tetapan sistem.</b> &gt; tab <b>Umum</b> &gt; <b>Apl</b> &gt; <b>MUAT TURUN.</b></li><li>3. Ketik aplikasi, kemudian ketik <b>Nyahpasang.</b></li></ol>
